

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Perbincangan mengenai fungsi perbualan dalam bab ini adalah berasaskan rakaman perbualan spontan subjek dalam situasi semula jadi. Ia merupakan percubaan untuk menganalisis lakukan penukaran kod di kalangan guru pelatih Iban yang menuturkan dua atau lebih bahasa sejajar dengan objektif kajian yang telah ditetapkan (lihat 1.4). Semua fungsi perbualan yang telah dikenal pasti ditunjukkan dalam Jadual 2 (muka surat 58) dan transkripsi perbualan yang lengkap boleh dirujuk dalam Lampiran C.

#### 4.2 Fungsi Perbualan

Berdasarkan analisis rakaman perbualan serta konteks makna (Firth, 1957), terdapat enam belas fungsi perbualan yang dikenal pasti. Setiap fungsi perbualan diteliti dan diuraikan seperti berikut untuk cuba mentafsir makna sosial penukaran kod serta untuk mengetahui faktor yang mencetuskannya di kalangan subjek.

##### 4.2.1 Petikan percakapan

Dalam banyak situasi, fungsi petikan percakapan ini dimanifestasikan melalui perbualan subjek apabila sesuatu percakapan dipetik sama ada secara langsung atau tidak langsung. Petikan percakapan secara langsung merujuk kepada amalan subjek memetik percakapan mereka sendiri, manakala petikan percakapan secara tidak langsung merujuk kepada percakapan orang lain yang diajuk; atau ketika sesuatu

*maxim* atau perumpamaan digunakan. Petikan ini dilakukan supaya apa yang dituturkan itu kedengaran lebih meyakinkan dan boleh dipercayai (Scotton, 1993: 117). Oleh itu, penukaran kod dalam konteks ini digunakan sebagai bukti kebenaran akan apa yang dituturkan oleh subjek kepada pendengarnya.

1. (Daripada Unit 1/Episod 1) Penutur yang sedang berbual-bual dengan dua orang rakan karibnya memberitahu mereka bahawa dia baharu sahaja menerima mesej ringkas telefon (SMS) daripada teman lelakinya. Lantaran itu mereka meminta penutur supaya membacanya dengan kuat.

I: BACHA MANAH KA, BACHA AKU KA NINGA.  
Baca elok lah, baca saya mahu dengar  
(Bacalah dengan elok, saya mahu mendengarnya.)

S: Good night. A-01  
Selamat malam.

I: NADAI NYEBUT *I love you?*  
Tiada menyebut saya cinta kamu  
(Tiada menyebut saya cinta akan kamu?)

S: NADAI, NADAI NYEBUT *I love you* A-02  
Tiada, tiada menyebut saya cinta kamu  
(Tiada menyebut saya cinta akan kamu.)

NADAI NYEBUT AKU SAYAU KA NUAN.  
Tiada menyebut saya cinta akan kamu)  
(Tidak ada menyebut saya cinta akan kamu.)

Dalam contoh 1 di atas, penutur mengajuk semula apa yang diperkatakan kepadanya. Si penutur boleh menyatakan semula ujaran “*Good night*” (Selamat malam) (A-01) dan “*I love you*” (Saya cinta akan kamu) (A-02) dalam bahasa ibundanya jika dia mahu berbuat demikian tetapi sebaliknya memilih untuk memetik ujaran tersebut sepertimana ia tertulis dalam sistem pesanan ringkas (SMS) yang diterimanya daripada teman lelakinya. Si penutur berasa yang ujaran tersebut tidak akan meninggalkan kesan yang sama kepada pendengar jika ia disampaikan dalam versi bahasa ibunda mereka. Oleh itu, keaslian dan ketulenan mesej perlu dipelihara.

Dalam pada itu, terdapat juga situasi perbualan yang memperlihatkan penutur menukar kod kepada bahasa yang digunakan oleh orang ketiga ketika mengajuk atau melaporkan apa yang diperkatakan. Penukaran kod hanya melibatkan perkataan-perkataan yang didakwanya sebagai apa yang sebenarnya diujarkan oleh orang ketiga (Holmes, 2001: 38). Di sini si penutur cuba memberikan gambaran atau impresi yang mungkin tepat atau sebaliknya bahawa itulah kata-kata sebenar yang diujarkan. Perbualan penutur seperti yang terkandung dalam contoh 2 dan 3 di bawah membuktikan fenomena linguistik ini.

2. (Daripada Unit 3/ Episod 1) Penutur menceritakan situasi perjumpaan di antara emaknya yang sedang berusaha untuk mendapatkan rawatan dengan bekas guru emaknya.

S:	PETARA MEH NGASOH IYA SUMAN. IYA SUBA Tuhan lah buat dia sembah. Dia dahulu  BISI MELI UBAT. SEMBAYANG KA <u>cikgu</u> IYA ada beli ubat. Doa oleh guru nya	N-04
	SUBA. <u>Cikgu</u> NYA UDAH MASUK KRISTIAN. dahulu. Guru itu sudah peluk Kristian.	N-05
	BETEMU ENGGAU IYA, <u>Hi Helen</u> , KO IYA. Berjuma dengan dia, hai Helen kata nya.	A-03
	<u>How are you?</u> KO IYA NANYA <u>mak</u> AKU Bagaimana kamu? Kata nya menanya emak saya	A-04/ N-06
	LABAN SEDUAI IYA <u>speaking</u> . kerana mereka berdua berbahasa Inggeris.	G-44
	ORANG MAYA NYA SUBA <u>speaking</u> AJA. Orang masa itu dahulu berbahasa Inggeris sahaja.	G-45
	<u>I'm not very well</u> , KO <u>mak</u> AKU NYAUT. Saya kurang sihat kata emak saya menjawab.	A-05/ N-07
	(Tuhanlah yang menyembuhkannya, berkat doa bekas gurunya yang telah memeluk agama Kristian dan ubat yang dimakannya. Mereka bertegur sapa untuk bertanyakan khabar dalam bahasa Inggeris kerana bahasa itu merupakan bahasa komunikasi orang pada masa itu.)	

3. (Daripada Unit 6/Episod 2) Penutur bercerita dengan rakan bukan sekursusnya tentang aktiviti gerak kerja ko-kurikulum (GERKO) yang telah disertainya. Dia memberitahu rakannya itu tentang cara jurulatih renangnya mengajar mereka berenang.

S: IYA NGAJAR KAMI berenang anjing. G-77  
Dia mengajar kami

Buat macam ni, KO IYA. A-08  
kata nya

I: NYEMERAI UDOK?  
Renangan anjing

S: AU, tengok saya buat KO IYA. TAK MEREJUK IYA A-09  
Ya, kata nya. Lalu terjun dia

NGAGAI kolam. Ini anjing tua KO IYA. G-78/ A-10  
ke kata nya

NYAU TELEKIK KAMI KETAWA.  
Pun terbahak kami ketawa

(Ya, tengok saya buat, katanya. Dia lalu terjun ke dalam kolam. Ini anjing tua, katanya. Kami pun ketawa terbahak-bahak.)

Dalam dua contoh di atas, ungkapan “*Hi Helen*” (Hai Helen) (A-03), “*how are you?*” (apa khabar?) (A-04), dan “*I'm not very well*” (Saya kurang sihat) (A-05) yang terdapat dalam contoh 2, berserta ungkapan dalam contoh 3 “Buat macam ni” (A-08), “Tengok saya buat” (A-09) dan “Ini anjing tua” (A-10), merupakan kata-kata yang didakwa penutur sebagai ujaran sebenar pihak yang percakapannya diajuk. Dengan berbuat demikian keaslian kandungan sesuatu mesej nampak terpelihara dan sekaligus menampakkan si penutur lebih meyakinkan pendengar akan apa yang diujarkannya, seperti mana yang dikatakan oleh Scotton (1993: 117) sebagai “*closer to the real thing*”.

Selain itu, penutur juga ada kalanya memetik percakapan yang pernah dilafazkan oleh dirinya sendiri untuk meyakinkan pendengar. Fenomena ini dapat diperhatikan dalam contoh 4 di bawah ini apabila penutur mengajuk semula ujaran “*not enough credit*” (tidak cukup kredit) (A-07) yang pernah dilafazkannya kepada kekasihnya ketika berbual-bual melalui telefon pada suatu ketika dahulu.

4. (Daripada Unit 4/Episod 5) Penutur yang berasa bosan dan sedang menunggu panggilan telefon daripada kekasihnya telah memberitahu bahawa dia menghadapi masalah dengan penggunaan telefon bimbitnya kerana kekurangan kredit untuk membuat panggilan jauh.

I: LAMA DE BEJAKO ENGGAU IYA?  
Lama kamu bercakap dengan dia  
(Lamakah kamu bercakap dengannya?)

S: LAMA GA. DE *call* AKU, *not enough credit* G-61/ A-07  
Lama juga. Kamu panggil saya tidak cukup kredit

KO AKU. EMPAT RINGGIT AJA AGI BEDAU.  
kata saya. Empat ringgit sahaja masih tinggal.

(Lama juga. Kamulah memanggil saya kerana tidak banyak kredit yang masih tinggal, hanya empat ringgit sahaja, kata saya.)

5. (Daripada Unit 11/Episod 1) Penutur yang menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan pemasalahan Matematik telah bertanya kepada rakan sekursusnya.

S: TUSAH ENDAR TU, *I don't understand this question*. E-47  
Susah benar ini Saya tak faham ini soalan.  
(Susah sungguh yang ini, saya tak faham soalan ini.)

I: NI IYA? Cuba BACHA DIA.  
Mana dia? Cuba bacakan.

S: *Which of the following shaded set of "R" is* A-13  
Manakah yang berikut terlorek set dari R adalah  
*not given?*  
tidak diberi?

(Manakah set “R” yang terlorek berikut tidak diberikan?)

Dalam contoh 5 di atas, keaslian kandungan mesej dikekalkan bukan bertujuan untuk meyakinkan pendengar atau untuk memperagakan kewibawaan penutur, sebaliknya ia dilakukan untuk mengelak daripada menyimpang daripada ketepatan mesej berkenaan. Oleh itu, kata-kata yang sebenarnya “*Which of the following shaded set of “R” is not given?*” (Manakah bahagian set “R” yang terlorek berikut tidak diberikan?) (A-13) sangatlah penting untuk dipelihara dan dikekalkan, sepertimana yang dicadangkan oleh Holmes (2001: 38) agar makna mesej yang terkandung itu tidak disalahertikan atau dapat difahami sebagai mana ia sepatutnya.

Selain itu, analisis data juga menunjukkan terdapatnya perumpamaan (*maxim*) yang diajuk oleh subjek ketika berinteraksi. “Kawan makan kawan” (A-06) dan “badan macam cicak kubin” (A-12) yang masing-masing terdapat dalam contoh 6 dan 7 di bawah merupakan antara penyelitan unsur retorik yang terdapat dalam ujaran dwibahasa penutur. Untuk melakukan itu, ia menuntut tahap kecekapan bahasa yang tinggi kerana si penutur bukan sahaja mengetahui sistem dua bahasa yang terlibat dalam penukaran kod itu, malah mengetahui maksud perumpamaan yang digunakan. Oleh itu, situasi seumpama ini dianggap Holmes (2001: 41) sebagai memperlihatkan kemahiran komunikasi dan ragam percakapan yang pelbagai di kalangan subjek. Di samping itu, ia juga dapat menyampaikan maksud tertentu kepada pendengar.

6. (Daripada Unit 4/Episod 4) Penutur cuba meyakinkan kawannya yang dia boleh dipercaya.

S: ENDA PATUT AKU TAK NGERAMPAS IYA ARI  
Tidak patut saya akan merampas dia dari  
  
DE. NADAI GUNA kawan makan kawan. ANANG A-06  
kamu. Tidak guna Jangan  
  
IRAU AKU UKAI BAKA NYA.  
bimbang saya bukan jenis itu

(Tidak mungkin saya akan merampas dia daripada kamu.  
Saya bukan jenis orang yang mengkhianati kawan)

7. (Daripada Unit 10/Episod 2) Penutur menyindir rakannya yang berbadan kurus.

S: Eleh! Badan macam cicak kubin NYAU AYAN C-09/ A12  
lalu nampak  
TALI GITAR.  
tali gitar.

(Eleh! Badan kamu kurus kering macam cicak cubin)

#### **4.2.2 Rujukan khusus pendengar**

Fungsi perbualan ini adalah bersifat akomodatif pada amnya. Dalam banyak situasi interaksi, ada ketikanya penutur ingin melibatkan seseorang pendengar atau sekumpulan pendengar secara langsung dalam sesuatu perbualan. Ia dilakukan dengan menghalakan mesej secara khusus kepadanya. Dengan berbuat demikian, penutur bukan sahaja ingin menarik perhatiannya, bahkan dapat memencarkan hadirin lain daripada turut terlibat dalam sesuatu perbualan itu. Rujukan khusus kepada pendengar ini boleh berlaku dalam banyak bentuk, antaranya ialah melalui cara sapaan biasa (*standard greetings*) dan ragam atau gaya rujukan (*modes of address*) (Appel dan Muysken, 1987: 30; 119).

8. (Daripada Unit 3/Episod 1) Penutur yang sedang berbual-bual dengan seorang kawan rapatnya memberitahunya tentang detik perjumpaan emaknya dengan bekas guru emaknya.

S: Hai Helen, KO IYA. How are you? B-01/ A-04  
Hai Helen, katanya. Apa khabar kamu?

KO IYA NANYA mak AKU LABAN N-06  
katanya tanya emak saya sebab

(Dia menyapa dan bertanyakan khabar dengan emak saya dalam bahasa Inggeris)

9. (Daripada Unit 5/Episod 2) Penutur meminta izin rakananya sama ada dia boleh masuk biliknya.

S: *Hi Samat, can I come in?* B-08  
Hai Samat, boleh saya masuk

I: *Sure, MASUK MEH.*  
Pasti, masuk lah

Panggilan bahasa Inggeris “hi” (B-01) dalam contoh 8 dan contoh 9 (B-08), serta “Hey” (B-02) dalam contoh 10 adalah bentuk ekspresi yang bukannya tidak disangka, khasnya di kalangan pelajar (Ong, 1990: 59) untuk membuat sapaan. Penutur memilih cara panggilan ini kerana ia bersifat bersahaja dan boleh membawa konotasi kemesraan dalam perhubungan sosial di kalangan rakan-rakan taulan. Dalam perbualan di antara Helen dengan bekas gurunya (contoh 8), guru itu merujuk khusus kepada Helen dengan memanggilnya “*Hi Helen*” (Hai Helen). Guru tersebut boleh menyapa Helen dengan panggilan “puan” (atau panggilan lain seumpamanya yang sesuai) jika mahu memandangkan perhubungan mereka pada masa itu bukan lagi antara pelajar dengan guru. Sebaliknya, bekas guru Helen itu hanya menggunakan kata sapaan “hi” (hai) dan tidak memanggilnya “puan” kerana panggilan itu tidak bersahaja dan boleh menampakkan jarak sosial yang mungkin wujud di antara mereka. Rujukan khusus kepada pendengar yang membawa konotasi kemesraan ini juga dapat diperhatikan dalam satu lagi situasi perbualan berikut, iaitu contoh 10.

10. (Daripada Unit 3/Episod 3) Penutur berasa amat lega apabila dia mendapati orang yang datang menziarahinya adalah seorang rakan yang kedatangannya memang ditunggu-tunggu.

S: *Hey! UMANG is that you?* KINI DE TADI? B-02  
Hei! Umang adakah itu kamu? Mana kamu tadi?

AKU NGIGA DE TADI.  
Saya cari kamu tadi.

(Hei! Adakah itu kamu Umang? Ke mana kamu tadi?  
Puas saya mencari kamu.)

Selain penggunaan “*hi*” dan “*hey*” di atas, penutur juga menggunakan gantinama diri “*you*” (kamu/awak/engkau) untuk khusus merujuk kepada pendengar. Ia digunakan kerana sifatnya yang bersahaja, neutral dan tidak mementingkan faktor perbezaan darjah sosial antara si penutur dengan pendengar. Dalam contoh 11, “*you*” (B-05) digunakan dalam suasana perbualan yang bersahaja dan tidak formal. Dengan menggunakan rujukan “*you*” untuk orang yang dilawan cakap dan “*I*” untuk diri sendiri, jarak sosial yang mungkin wujud di antara diri penutur dengan pendengar dapat dikurangkan atau dihilangkan.

11. (Daripada Unit 3/Episod 3) Penutur yang agak serius menceritakan keperitan hidup orang zaman dahulu ternampak yang kawannya mentertawakan kisah yang diceritakannya walaupun cuba dinafikan.

S: BULA DE, *I* nampak *you* senyum-senyum aje. B-04/B-05  
Bohong kamu, saya kamu

(Kamu berbohong, saya nampak kamu tersenyum sahaja.)

12. (Daripada Unit 4/Episod 5) Penutur memberitahu kawannya tentang rasa bosan dan kekecewaannya kerana tidak dapat berhubung dengan kekasihnya melalui telefon akibat faktor jarak.

S: *Boring... boring!* BAKA TU MEH KEDAYA G-59/D7  
Bosan... bosan! Macam ini lah kerja

AKU. BEGI ENGGI DE, DAMPING *you*.  
saya mujur punya kamu dekat kamu

B-06

(Inilah yang saya lakukan apabila naik bosan.  
Kamu bertuah kerana si dia dekat sahaja.)

Sesungguhnya perbualan yang terdapat dalam contoh 12 di atas, juga menunjukkan terdapatnya unsur kemesraan dalam komunikasi. Dengan berlatarbelakangkan interaksi tidak formal dan perbualan berlaku di kalangan rakan taulan, penggunaan ganti nama diri kedua “*you*” ternyata bersifat akomodatif dalam erti kata ia merujuk khusus kepada pendengar. Ia juga bersahaja dan boleh membawa konotasi kemesraan di kalangan peserta perbualan, khasnya dalam konteks yang dibincangkan di atas.

#### 4.2.3 *Interjeksi*

Ada kalanya penukaran kod juga digunakan sebagai mekanisme untuk melahirkan emosi yang kuat atau perasaan jujur penutur terhadap situasi yang dialami, didengar atau diketahuinya. Daripada analisis data, terdapat beberapa ekspresi yang telah digunakan sebagai interjeksi untuk melahirkan rasa tidak percaya, terkejut, kaget atau hairan penutur.

13. (Daripada Unit 10 /Episod 2) Penutur berasa tidak percaya yang harga baju kawannya itu agak mahal. Baginya ia patut lebih murah lagi.

S: *My goodness!* ! TIGA PULUH TIGA?  
Ala! tiga puluh tiga

C-08

UDAH DI TAWAR DE kah?  
Sudah ditawar kamu

M-06

(Ala! Tiga puluh tiga? Kamu sudah tawarkah harganya?)

14. (Daripada Unit 11/ Episod 2) Penutur yang khusyuk bermain permainan komputer terpaksa akur untuk membenarkan rakannya mengantikannya selepas dia kalah.

S: *Oh... oh my God! ... game over.* AH...NYAH C-11/G152  
Oh ku Tuhan mainan tamat. Ah nah

DE MEH.  
kamu lah

(Allah! Permainan tamat. Nah! Kamu ambil alihlah.)

Dalam contoh 13, penutur telah melafazkan ekspresi “*my goodness*” (C-08) sebagai tanda kurang percayanya, manakala dalam contoh 14 penutur yang berasa tidak puas hati telah mengujarkan “*Oh my God*” (C-11) sebagai ekspresi spontannya terhadap kekalahannya dalam sesuatu permainan komputer. Jikalau diterjemahkan secara kasar, kedua-dua ekspresi Inggeris tersebut boleh disamakan dengan penggunaan ekspresi “alamak” dan “ala”. Perbualan yang terdapat pada contoh 15 di bawah ini memperlihatkan bagaimana penutur turut menggunakan ekspresi tersebut.

15. (Daripada Unit 11/Episod 3) Penutur yang agak terkejut telah mengejek rakannya kerana berpeluang membuat projek Kemahiran Hidup bersama-sama teman wanitanya dalam kumpulan yang sama.

S: Alamak! LAWA ENDAR DE UCHAK ENGGAU C-13  
Hebat sungguh kamu kawan dengan

BINI GAWA.  
isteri kerja.

(Alamak! Bertuahlah kamu kerana berpeluang membuat kerja dengan teman wanita.)

Dalam contoh tersebut, penutur menggunakan ekspresi “alamak” (C-13) untuk melahirkan perasaan terkejutnya terhadap suatu situasi yang diketahuinya kerana dia tidak menduga yang kawannya sanggup berada dalam kumpulan yang sama dengan

teman wanitanya untuk menyempurnakan satu projek akademik. Setahu penutur (seperti yang diberitahu kepada penyelidik semasa temubual), sepasang kekasih biasanya cuba merahsiakan hubungan mereka kerana ingin mengelak daripada diusik oleh rakan-rakan. Bagaimanapun adalah agak sukar untuk menentukan yang manakah di antara ekspresi tersebut yang lebih menjadi pilihan kerana terdapat juga situasi perbualan yang membolehkan penggunaan ekspresi yang sama. Misalnya, “alamak” dan “*my goodness*”, secara kasar sama-sama boleh digunakan untuk menunjukkan perasaan terkejut atau tidak percaya penutur (contoh 13 dan 14). Mungkin pilihan ekspresi itu ditentukan oleh faktor perbezaan konotasi dan kesan komunikasi yang ingin disampaikan oleh si penutur. Namun yang pasti ialah pilihan ekspresi tersebut mencerminkan hakikat keupayaan linguistik tambahan yang ada pada diri penutur (Holmes, 2001: 42) hasil daripada latar interaksi dan pengalaman sosial mereka dalam masyarakat pelbagai bahasa. Kebenaran ini juga terbukti dalam penggunaan ekspresi “*Thanks God*” (C-14) dalam contoh 16.

16. (Daripada Unit 13/Episod 3) Penutur memberitahu kawannya yang mereka sungguh bernasib baik kerana kawasan mereka terselamat daripada jangkitan sejenis wabak maut.

I: AMAT ENDAR UTAI KO NUAN NYA. NASIT ENDAR  
sangat benar benda kata kamu itu Nasib benar  
  
KITAI DITU SELAMAT ARI UTAI KA NYELAI BANSA  
kita sini selamat dari benda yang anih macam  
  
NYA.  
itu.

(Kata-kata kamu itu sangat benar. Mujurlah kita terselamat daripada jangkitan seperti itu)

S: Thanks God! ENDA PIA KO NUAN?  
Puji Tuhan Bukan macam kata kamu  
  
(Puji Tuhan! Betul tak?)

Selain daripada itu, ekspresi “waisehmen” dan “eleh” juga turut digunakan sebagai manifestasi emosi kuat penutur terhadap sesuatu situasi yang dialaminya. Dalam contoh 7 (muka surat 65), ekspresi “eleh” (C-09) digunakan penutur untuk menyangkal dakwaan rakannya yang mengatakan yang dia agak mudah untuk memikat gadis walaupun berbadan kecil dan kurus. Begitu juga dengan penggunaan ekspresi “waisehman” (C-04) dalam contoh 17 yang digunakan untuk merakamkan rasa kurang percaya penutur akan kebolehan rakannya bermain gitar. Sebelum itu, dia menyangkakan rakannya tidak tidak berbakat.

17. (Daripada Unit 5/Episod 2) Penutur yang bercadang hendak membuat tugas Matematik agak terpesona dan kurang percaya akan kebolehan rakannya bermain gitar.

S: Waisehmen! LANDIK GA DE MAIN GITAR. C-04  
Pandai juga kamu main gitar

(Waisehmen! Pandai juga kamu bermain gitar.)

Selain itu, terdapat juga penggunaan ekspresi “so” dan “yep”. Dalam contoh 18 di bawah, ekspresi “yep” (C-15) digunakan untuk melahirkan persetujuan atau pengesahan penutur terhadap sesuatu perkara yang dibualkan. Berlatarbelakangkan situasi interaksi yang bersahaja dan dalam keadaan informal, penutur mengesahkan bahawa dia sememangnya pernah menuntut di tempat yang dimaksudkan.

18. (Daripada Unit 14/Episod 1) Penutur memberitahu kawannya bahawa apa yang diperkatakannya itu adalah benar.

I: WOW! Best nya. Lagipun, *last year* NUAN study  
hebat lepas tahun kamu belajar

DITU. ENDA BETUL NYA?  
sini Tidak betul kah

(Wow! Hebatnya. Bukankah tahun lepas kamu menuntut di sini?

S: *Yep! That's right.* NUAN ULIH ENGGAU. C-15/E-54  
Ya itu betul Kamu dapat ikut.

(Ya, itu adalah betul. Kamu boleh ikut serta.)

19. (Daripada Unit 5/Episod 1) Penutur yang sedang memikirkan peluangnya untuk ditumpangkan ke satu destinasi, melahirkan harapannya agar boleh dibawa bersama-sama.

S: *So, you can bring me lah.* AKU DEKA ... C-01/P-14  
Jadi...kamu boleh bawa saya Saya mahu

NGAMBI... *What do you call that?* G-63  
mengambil Apa kamu panggil itu

(Jadi kamu boleh membawa sayalah. Saya hendak mengambil ...Apakah yang kamu panggil itu?)

Seperti juga dengan “yep”, ekspresi “so” digunakan oleh penutur untuk menyatakan perasaan jujurnya terhadap situasi yang dialaminya. Dalam contoh 19 di atas, penutur yang mengharapkan belas ihsan rakannya telah menggunakan ekspresi “so” (C-01) untuk merakamkan harapannya supaya boleh menumpangkannya ke suatu destinasi.

Seperkara lagi yang menarik tentang penggunaan ekspresi dalam fungsi perbualan ini ialah terdapatnya pola yang ketara dalam penggunaannya di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris yang menjadi sumber pilihan linguistik di kalangan penutur ketika melakukan penukaran kod, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 pada muka surat sebelah. Secara perbandingan ekspresi Inggeris paling kerap digunakan, iaitu sebanyak 73.33% berbanding dengan ekspresi bahasa Melayu yang hanya merupakan 26.67% daripada peratusan keseluruhan.

**Jadual 3: Penggunaan ekspresi interjeksi mengikut bahasa**

Ekspresi Inggeris	%	Ekspresi Melayu	%
<i>My goodness</i>	6.67	Alamak	6.67
<i>Oh my God</i>	13.33	Waisehmen	6.67
<i>Thanks God</i>	6.67	Eleh	13.33
<i>Yep</i>	6.67		
<i>So</i>	33.33		
<i>Well</i>	6.67		
Jumlah	73.33		26.67

Hasil kajian yang menunjukkan kurangnya penggunaan ekspresi dalam bahasa Melayu adalah disebabkan terdapatnya padanan dalam bahasa Iban. Misalnya, ekspresi “alamak” hanya digunakan sekali sahaja (contoh 15 yang dipetik daripada Unit 11/ Episod 3) dan ekspresi “ala” tidak kedapatan langsung. Ini disebabkan padanan bagi dua ekspresi itu ada terdapat dalam bahasa Iban dalam bentuk ekspresi “ENDAI” (Unit 1/Episod 1; Unit 2/Episod 2) dan “APU” (Unit 1/Episod 3; Unit 2/Episod 3; Unit 3/Episod 3; Unit 4/Episod 5; Unit 12/Episod 1; Unit 12/Episod 2; Unit 13/Episod 1; Unit 14/Episod 1; dan Unit 14/Episod 3). Dapatan ini selari dengan tujuan penukaran kod, iaitu antara lain untuk menampung kekurangan leksem atau sebagai strategi pembaikan (*repair strategy*) dalam komunikasi (lihat juga perkara 4.2.7).

#### **4.2.4 Pengulangan**

Fungsi perbualan ini dibuat untuk tujuan memperjelaskan apa yang telah diperkatakan atau untuk memberi penekanan semula kepada kandungan sesuatu mesej. Analisis data menunjukkan mesej diulangi dalam bahasa atau kod yang

berlainan dan ia dilakukan oleh si penutur yang sama atau oleh individu lain yang turut terlibat di dalam sesuatu situasi perbualan. Dari segi konstruksi, leksem yang digunakan untuk mengulangi sesuatu mesej adalah berbentuk sama ada persamaan sebenar atau dalam bentuk semantik yang diubah suai (*loose semantic association*) (Pakir, 1989: 381). Perbualan yang terdapat dalam beberapa contoh berikut menunjukkan bagaimana mesej diulangi.

20. (Daripada Unit 1/Episod 1) Penutur terpaksa meyakinkan rakan sebiliknya yang dia tidak menerima mesej ringkas (SMS) seperti yang dijangka oleh rakannya itu.

S: NADAI... NADAI NYEBUT I love you D-02  
Tiada ... tiada menyebut saya cinta kamu

NADAI NYEBUT SAYAU KA NUAN.  
tiada menyebut cinta akan kamu

(Tiada menyebut saya cintakan kamu)

21. (Daripada Unit 3/Episod 3) Penutur yang sedang berborak-borak dengan kawannya dalam bilik asrama telah dilawati oleh seorang lagi kawan yang tidak disangkanya. Sambil membuka pintu, dia pun mempersikakannya masuk.

S: TAMA... come in... Please come in. D-06/D-07  
Masuk masuk Sila masuk  
(Masuk, silakan)

Dalam dua contoh di atas (contoh 20 dan 21), penutur telah mengulangi apa yang telah diperkatakannya. Dengan menyebutnya semula dalam bahasa yang berlainan, kandungan mesej itu bukan sahaja menjadi lebih jelas, bahkan dapat juga diberi penegasan semula. Dalam contoh 20, ungkapan Inggeris “*I love you*” (D-02) diulangi penutur dalam bahasa ibundanya, iaitu “SAYAU KA NUAN”. Perkara yang sama juga berlaku di dalam contoh 21. Dengan mengungkapkan semula frasa

“TAMA” (masuk) dalam bahasa Inggeris “*come in*” (D-06), kesungguhan dan keikhlasan penutur mempelawa kawannya masuk semakin terserlah, apatah lagi maksudnya itu diulanginya sekali lagi dalam ungkapan “*Please come in*” (D-07).

22. (Daripada Unit 6/Episod 2) Penutur menceritakan kepada kawannya betapa teruknya dia menghidapi demam selesema.

S: RAYA PEMALAT AKU demam SEARI-ARI D-08  
Sangat teruk saya sehari-hari

TU TADI.  
ini tadi

I: NAMA DEH?  
Kenapa

S: RENGGA AKU DALAM KELAS, ENDA NEMU AGI.  
Demam saya dalam kelas tidak tahu lagi

(Demam saya sangat teruk semasa di bilik kuliah tadi)

23. (Daripada Unit 11/Episod 2) Penutur yang sedang asyik bermain permainan komputer didesak oleh kawannya supaya memberikan peluang kepadanya untuk turut bermain.

S: ENDA LAMA AGI... tunggulah. D-16  
Tidak lama lagi

I: OI... MERI peluang MEH.  
beri lah

S: Okay... NGANTI DULU... G-151  
Okey tunggu dahulu

(Tidak lama lagi, tunggulah dahulu)

Contoh 22 dan 23 di atas pula menunjukkan bagaimana pengulangan dilakukan untuk tujuan mengekalkan kelancaran perbualan selain daripada penegasan semula maksud sesuatu mesej. Dalam dua situasi perbualan itu, pengulangan mesej tidak dilakukan dalam satu ujaran yang sama. Sebaliknya, ia dibuat selepas giliran

percakapan peserta lain yang turut terlibat dalam interaksi itu. Perkataan “demam” (D-08) diulang dalam bahasa ibunda subjek “RENGGA” dan begitu juga frasa “tunggulah” diulang sebagai “NGANTI DULU”.

24. (Daripada Unit 7/Episod 3) Penutur menceritakan kepada kawannya tentang cara dia berpakaian.

S: ... NYAU *action action*, CHINA ENDA NGAGA D-11  
          sudah lagak lagak Cina tidak buat

BAJU BAKA NYA. ANGKAT AKU TU BANSA  
baju macam itu sedangkan saya ini kaum

UKAI NGENA BAJU BANSA NYA NYAU  
bukan pakai baji macam itu sudah

NGUMBA-NGUMBA...  
berlagak berlagak

(Orang Cina pun tidak memakai pakaian macam itu, inikan saya pula yang berlebih-lebih)

Contoh 24 menunjukkan unsur pengulangan dilakukan secara *verbatim*, iaitu sesuatu leksem yang sama diulang semula. Dalam contoh tersebut, leksem Inggeris “*action*” (D-11) diulangi untuk menunjukkan lagak lebih penutur ketika memakai pakaian cheongsam. Mesej semakin jelas apabila “*action action*” disebutnya semula dalam bahasa Iban “NGUMBA-NGUMBA”(berlagak-lagak). Lakuan mengulangi “*action*” untuk menjadi “*action action*” walaupun menyalahi peraturan nahu bahasa Inggeris, namun ia boleh difahami ekoran pengaruh konsep penggandaan dalam bahasa Iban, seperti dalam perkataan “NGUMBA-NGUMBA” di atas yang membawa maksud berlagak-lagak atau menunjuk-nunjuk. Contoh lain yang melibatkan pengulangan perkataan dalam bahasa yang sama tetapi membawa konotasi makna yang berbeza ialah: “*boring ... boring*” (D-09) dalam Unit 4/Episod 5); “lantak ... lantak” (D-10)

dalam Unit 7/Episod 1; dan “cantik...cantik” (D-04) dalam contoh 25 pada muka surat 78.

Dari segi pemilihan bahasa, unsur pengulangan telah menampakkan satu pola yang jelas. Nampaknya pengulangan mesej yang melibatkan bahasa Iban-Inggeris telah menjadi pilihan utama, iaitu sebanyak 80.0% berbanding Iban-Melayu yang berjumlah hanya 20.0 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4: Pengulangan mengikut pemilihan bahasa**

Pemilihan Bahasa	Bilangan	Peratus
Iban – Inggeris	5	50.0
Inggeris – Iban	3	30.0
Iban – Melayu	1	10.0
Melayu – Iban	1	10.0
Jumlah	10	100

Fenomena linguistik ini tidak sukar untuk difahami memandangkan bahasa Iban dan bahasa Inggeris bukan daripada genetik bahasa yang sama. Sebaliknya, bahasa Iban dan Melayu tergolong pula dalam rumpun bahasa yang sama (lihat perkara 1.8). Maka, sesuatu perkataan atau ungkapan Inggeris mungkin dirasai perlu untuk diulangi dalam bahasa Iban supaya mesejnya lebih jelas. Sebaliknya, masalah ketidakjelasan dalam bahasa Melayu (Malaysia) tidak begitu dirasai penutur dan oleh itu kurang timbulnya keperluan untuk membuat pengulangan dalam bahasa ibundanya.

#### **4.2.5 Penentuan mesej**

Romaine (1989: 149) menjelaskan penentuan mesej (*message qualification*) sebagai huraian, ulasan atau komen yang dibuat dalam bahasa yang berlainan terhadap sesuatu topik yang diperkenalkan. Tujuannya adalah untuk menekankan maksud sesuatu mesej supaya lebih mudah difahami. Dalam kajian ini, unsur-unsur nahu yang berupa ayat, klausa atau frasa telah digunakan untuk menerangkan sesuatu pernyataan atau topik yang biasanya diperkenalkan sebelumnya. Fungsi perbualan ini berlainan daripada pengulangan (lihat perkara 4.2.4) kerana apa yang diujarkan selepas sesuatu perkara atau topik diperkenalkan adalah merupakan penerangannya dan bukan mengulanginya.

25. (Daripada Unit 2/Episod 2) Penutur menceritakan bagaimana dia dan rakan-rakannya meminati siri televisyen ‘The Dark Angel’. Satu daripada sebabnya ialah kerana kecantikan pelakon wanita utamanya.

S: KAMI KA MEDA PEMAJIK INDU NYA  
Kami suka tengok KECANTIKAN perempuan itu

KA BENDAR IYA.  
yang benar nya

Cantik... cantik ... *Sexy JESSICA ALBA.* D-04/E-01  
menawan

(Sebenarnya kami suka menonton pelakon wanita itu  
kerana kecantikan dan rupanya yang menawan.)

Dalam contoh 25 di atas, topik perbualan diperkenalkan dalam bahasa ibunda penutur, iaitu tentang kegemaran penutur dan kawan-kawannya menonton satu siri televisyen kerana tertarik kepada kejelitaan heroinnya. Melalui ayat seterusnya penutur telah menyatakan komen dalam bahasa yang berlainan tentang pelakon wanita utama itu yang juga merupakan sebab mereka tertarik kepadanya. Unsur penekanan maksud juga dapat diperhatikan melalui penggunaan ayat tersebut.

Dengan meletakkan frasa “cantik” (D-04) dan “sexy” (E-01) di depan ayat tersebut, penutur sebenarnya ingin menyerlahkan mesej tentang kejelitaan pelakon berkenaan.

26. (Daripada Unit 2/Episod 3) Penutur bercerita tentang kemudahan penginapan yang disediakan untuk para peserta kursus.

S: SIDA IYA DIA BISI DIBERI ORANG asrama... D-05  
Mereka nya di situ ada diberi orang

*boarding*... BEMALAM DIA. E-06  
asrama bermalam di situ

(Mereka disediakan asrama sebagai tempat untuk bermalam.)

Bagi contoh 26, frasa Iban “BEMALAM DIA” (bermalam di situ) telah digunakan untuk memberikan penjelasan tentang “asrama” atau “*boarding*” (E-06). Dengan memberikan maklumat tambahan seperti itu, mesej yang ingin disampaikan bertambah lebih jelas lagi. Fungsi perbualan yang sama ini juga dapat diperhatikan dalam contoh 27. Melalui komen “BAKA NI KA TALIPON” (macam mana hendak menelefon), ia menjelaskan topik yang diperkenalkan, iaitu ketiadaan “*line*”(E-03) atau ketiadaan perkhidmatan telefon di tempat penutur.

27. (Daripada Unit 4/Episod 5) Penutur berasa tidak puas hati kerana tidak dapat membuat panggilan telefon di tempatnya.

S: NADAI line, BAKA NI KA TALIPON. E-03  
Tiada talian macam mana hendak telefon

(Macam mana hendak telefon kalau tidak ada talian perkhidmatan.)

28. (Daripada Unit 8/Episod 1) Penutur memberitahu rakan sekursusnya tentang keperluan bertutur dalam bahasa Inggeris di bilik kuliah.

S: ANTI BALA pensyarah NGEMAI speaking G-108/E-04  
Jika para mengajak bercakap

ALAM KELAS KA PIN ENDA BEJAKO ORANG  
dalam kelas mahu tidak bercakap orang

PUTIH MEH.  
putih lah

(Jika diminta oleh pensyarah, mahu tidak mahu terpaksalah  
bercakap dalam bahasa Inggeris di bilik kuliah.)

Contoh 28 di atas juga menunjukkan betapa sesuatu perkara yang dikemukakan itu telah diberi penjelasan dalam bahasa yang lain. Dalam contoh itu, penjelasan tentang “*speaking*” (E-04) boleh diperoleh melalui frasa Iban “BEJAKO ORANG PUTIH” (Terjemahan: Bercakap dalam bahasa Inggeris) yang terkandung dalam klausa “KA PIN ENDA BEJAKO ORANG PUTIH MEH” (Terjemahan: Mahu tidak mahu terpaksalah bercakap dalam bahasa Inggeris). Hakikat penentuan mesej ini juga boleh diperhatikan dalam ujaran lain subjek, antaranya ialah seperti yang terdapat dalam contoh 18 pada muka surat 71. Dalam ujaran itu, slanga “*yep*” telah diperjelaskan dengan frasa “*That's right*” (E-47) yang bermaksud “Ya, itu benar”. Penjelasan yang sama juga berlaku dalam contoh 31 di mana “ ahli gusti” (E-45) digambarkan sebagai “SEMUA SIDA BAKA ANTU GERASI MAGANG” (Terjemahan: Mereka berbadan besar-besaran belaka).

Sesungguhnya, beberapa situasi perbualan yang ditunjukkan dalam kesemua contoh di atas membuktikan lakuan penutur menukar kod untuk tujuan penentuan mesej. Dengan berbuat demikian, penutur percaya sesuatu mesej itu akan lebih mudah untuk difahami jika topik atau perkara yang diperkenalkan itu disertai maklumat tambahan dalam bahasa yang berlainan sebagai penjelasan, huraian, ulasan atau komennya.

#### **4.2.6 Pernyataan bersifat peribadi lawan umum**

Mengikut Gumperz (1982: 80), fungsi perbualan ini melibatkan isu-isu seperti sejauhmana sesuatu pernyataan itu boleh dianggap sebagai mencerminkan pendapat peribadi, perasaan atau pengetahuan; atau adakah pernyataan itu bersifat umum atau berstatus fakta. Fungsi perbualan yang berkontras ini dapat ditentukan oleh darjat penglibatan (*degree of involvement*) penutur melalui penggunaan ganti nama diri yang terkandung dalam ujarannya. Data kajian menunjukkan penutur menggunakan ganti nama diri pertama untuk menggambarkan sesuatu pendapat, perasaan atau pengetahuan yang bersifat peribadi (*personalized message*). Manakala ungkapan-ungkapan yang berupa ganti nama diri ketiga digunakan untuk menunjukkan status sesuatu idea atau pendapat yang bersifat umum atau perkara yang berbentuk fakta (*objectivized message*).

29. (Daripada Unit 4/Episod 3) Penutur memberitahu citarasa peribadinya tentang pakaian yang baharu sahaja ditunjukkan kepadanya oleh kawannya.

S: MANAH GA PEDA AKU TANG AKU RINDU  
Cantik juga tengok saya tapi saya suka

MEDA warna maroon.  
tengok warna merah hati

F-06

(Yang itu juga cantik, tetapi saya lebih menggemari yang berwarna merah hati.)

30. (Daripada Unit 7/Episod 1) Semasa berbincang dengan kawannya, penutur turut melahirkan pandangannya tentang nasib kaum kebanyakan perempuan.

S: KITAI perempuan banyak berkorban, NYA  
Kita

F-04

AKU benci ENDAR.  
saya               amat

E-30

(Kita orang perempuan banyak berkorban dan sebab itulah saya amat tidak menyukainya.)

Dalam contoh 29 di atas, penutur yang menggemarki warna “*maroon*” (F-06) menggunakan ganti nama diri pertama “AKU” (saya) untuk menyatakan pilihan warna atau citarasanya. Bagi contoh 30 pula, ganti nama diri “KITA!” (kita) digunakan untuk menggambarkan pendapat atau pandangan peribadi penutur tentang nasib kaum sejenisnya yang “... banyak berkorban” (F-04). Dengan menggunakan ganti nama diri seperti “aku” atau “kita”, ia juga menunjukkan darjat penglibatan si penutur dalam sesuatu perkara yang terkandung dalam mesej yang disampaikan. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa apa yang ingin disampaikan itu berupa mesej yang bersifat peribadi.

31. (Daripada Unit 10/Episod 2) Penutur yang bersepakat dengan rakannya telah perbezaan saiz badan orang Barat dengan orang Asia telah mengemukakan satu contoh yang diketahui umum.

S: Exactly, westerners gain-size F-08  
Tepat sekali orang barat gergasi saiz

MAGANG-MAGANG. PEDA DE GAMAR SIDA  
semua semua Tengok kamu gambar mereka  
ahli gusti ... SEMUA SIDA BAKA ANTU E-45  
semua mereka macam hantu

## GERASI MAGANG-MAGANG.

(Tepat sekali, orang Barat seperti ahli-ahli gusti besar-besar belaka.)

Selain menukar kod untuk menunjukkan mesej yang bersifat peribadi, penutur juga adakalanya mencampurkan bahasa dalam percakapannya untuk menyatakan sesuatu yang berbentuk fakta atau umum. Fenomena linguistik ini dapat diperhatikan dalam

contoh 31 di atas. Dalam contoh tersebut, penutur merujuk kepada orang Barat yang rata-ratanya berbadan besar atau disebutnya sebagai “*westerners gaint-size*”(F-08). Dia menggunakan ganti nama diri ketiga “SIDA” (mereka) untuk merujuk kepada mereka. Sekaligus ini menggambarkan yang penutur tidak tergolong dalam kumpulan tersebut. Dalam perkataan lain, penggunaan “SIDA” (mereka) atau mana-mana ganti nama diri ketiga (seperti dia, ia atau beliau) menunjukkan darjat ketidakpenglibatan penutur dalam sesuatu perkara. Dalam perkataan lain, ia bukanlah merupakan suatu perasaan atau pendapat peribadi. Sebaliknya, ia mungkin berupa fakta atau sesuatu yang bersifat umum.

Bagaimanapun, hasil kajian ini tidak menunjukkan terdapatnya pemilihan bahasa secara khusus yang digunakan untuk satu-satunya mesej yang berbentuk peribadi atau umum. Malah bahasa yang digunakan adalah bercampur-campur, seperti campuran bahasa Iban-Melayu dan Iban-Inggeris atau campuran ketiga-tiga bahasa tersebut. Cuma yang agak nyata dalam kajian ini ialah penonjolan penggunaan ganti nama diri Iban berbanding dengan bahasa Inggeris atau Melayu. Penutur didapati begitu senang menggunakan “SIDA” (mereka) atau “IYA” (dia) bagi orang ketiga berbanding penggunaan “mereka” atau “*they*” (Lihat contoh 26; 31; dan juga perbualan dalam Unit 13/Episod 1; Unit 14/Episod 1; Unit 14/Episod 2; Unit 14/Episod 3; Unit 14/Episod 4). Malah analisis data menunjukkan ganti nama “mereka” dan “*they*” tidak terdapat langsung dalam interaksi di kalangan peserta perbualan. Ketiadaan penggunaan dua ganti nama ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai kebiasaan penutur menggunakan ganti nama setara yang sedia ada dalam bahasa ibunda mereka.

#### **4.2.7 Kemudahan ekspresi**

Penukaran kod adakalanya juga dilakukan untuk memudahkan ekspresi. Dalam konteks kajian ini, penutur yang berinteraksi dalam bahasa Iban sering kali menukar atau mencampurkan bahasa ibunda mereka dengan sama ada bahasa Inggeris, bahasa Melayu (Malaysia) atau bahasa Melayu Sarawak semata-mata untuk memudahkan mereka melahirkan sesuatu idea, pendapat atau konsep, malah perasaan juga.

32. (Daripada Unit 2/Episod 3) Penutur mengatakan kepada rakannya yang baru sahaja balik bercuti dari Kuching yang dia amat bernasib baik kerana dapat mengikuti semula kuliah seperti yang dijadualkan.

S: PULAI KUCHING? JAUH AMAT. NASIT DE  
Balik Kuching jauh sangat Nasib kamu  
ENDA terperangkap banjir. G-40  
tidak  
(Balik dari Kuching? Jauh sangat, nasib baik kamu tidak terkandas kerana banjir)

33. (Daripada Unit 8/Episod 2) Penutur melahirkan rasa kurang yakinnya terhadap kemungkinan pelajar dari bandar dan luar bandar dapat menyesuaikan diri mereka.

S: NYA MEH BAKA NI KE orang bandar OLIH G-114  
Itu lah macam mana kah dapat  
menyesuaikan diri ENGGAU KITAI ORANG  
dengan kita orang G-115  
RUMAH PANJAI?  
rumah panjang  
(Bagaimakah orang dari kawasan bandar dapat menyesuaikan diri dengan kita yang berasal dari rumah panjang?)

Dalam dua contoh di atas (contoh 32 dan 33), penutur telah menyelitkan ungkapan bahasa Melayu (Malaysia) dalam percakapan untuk memudahkan ekspresi. Ungkapan “terperangkap banjir” (G-40) dalam contoh 30 bukan sahaja paling tepat untuk menceritakan tentang fenomena alam itu, bahkan merupakan cara penyebutan atau ekspresi yang ekonomi. Dalam bahasa ibunda penutur, leksim semantik yang mendukung makna yang sama dengan “banjir” ialah “AI BAH” atau “AI BESAI” yang ternyata kurang ekonomi dari segi jumlah binaan perkataannya. Begitu juga dengan perkataan “terperangkap” yang memerlukan lebih daripada satu perkataan jika hendak diungkapkan dalam bahasa Iban, iaitu “ENDA OLIH BEJALAI”. Bagi ungkapan “orang bandar” (G-114) dan “menyesuaikan diri” (G-115) dalam contoh 33, masalah kemudahan ekspresi amat jelas terdapat di situ. Ungkapan “orang bandar” jika diterjemahkan dalam bahasa Iban, iaitu “ORANG NENERI” boleh membawa konotasi makna yang berlainan kerana umum (khasnya di kalangan golongan muda Iban) sering mengaitkan “NENERI” dengan konsep wilayah bagi sesuatu sistem pentadbiran. Masalah juga berlaku jika ungkapan “menyesuaikan diri” disebut dalam bahasa Iban, yakni “NGUBAH PENDIAU DIRI NGAMBIKA SABAKA ENGGAU ENGGI ORANG” yang ternyata tidak ekonomi dan membebangkan dari segi pengkodan.

Selain menyelitkan perkataan atau ungkapan bahasa Melayu, subjek juga didapati memasukkan perkataan bahasa Inggeris ke dalam ujaran mereka. Ini dapat diperhatikan melalui contoh 34 dan 35. Berdasarkan konteks makna, perkataan “*show*”(G-13) dalam contoh 34 telah digunakan oleh penutur untuk menggambarkan perbuatan menunjuk-menunjuk untuk tujuan membangkitkan rasa iri hati di pihak lain. Ungkapan dalam bahasa Iban “DIAYAN-AYANKA” walaupun membawa

maksud “ditunjuk-tunjuk” tetapi ia kurang dramatik dari segi pencetusan perasaan iri hati yang ingin dibangkitkan. Oleh itu, ungkapan “Dishow show” telah menjadi pilihan terbaik penutur pada ketika itu untuk mengungkapkan mesej yang hendak sampaikan walaupun tidak gramatis kerana menyalahi sistem nahu bahasa Inggeris.

34. (Daripada Unit 2/Episod 1) Penutur memberitahu rakannya tentang gelagat seorang kawan karib mereka yang suka menunjuk-nunjuk baju barunya. Perbuatan itu membuatkan penutur semakin rasa cemburu kerana dia juga inginkan baju seperti itu.

S: IYA GA TAMBO UDAH BULIH NYA  
Ia juga Tambo sudah dapat itu

DI show show IYA NGAGAI AKU...  
di tunjuk-tunjuk nya kepada saya

G-13

PEDIS ENDAR ATI AKU.  
sakit sangat hati saya

(Saya berasa sangat sakit hati kerana Tambo menunjuk-nunjukkan baju barunya.)

35. (Daripada Unit 5/Episod 1) Penutur yang menghadapi masalah pengangkutan tidak dapat menuntut barangnya daripada seorang pekedai di bandar Sibu. Oleh itu dia menyuruh kawannya untuk mengambil barang itu bagi pihaknya dan dia akan memaklumkan perkara itu kepada pekedai tersebut melalui telefon.

S: ILA AKU call ORANG NYA EMPU.  
Nanti saya panggil orang itu sendiri

G-69

(Saya akan memberitahu orang itu sendiri melalui telefon)

Bagi perkataan “call” (G-69) dalam contoh 35, ia ternyata bersifat ekonomi dan tepat dari segi penggunaannya untuk mendukung maksud perbuatan memanggil seseorang melalui telefon. Padanan bahasa Ibannya ‘NGANGAU’ tidak begitu tepat untuk mengungkapkan maksud tersebut kerana ‘NGANGAU’ membawa maksud “memanggil” secara umum; dan secara tradisinya dikaitkan dengan perbuatan membuat panggilan melalui mulut. Oleh itu, perkataan “call” jika hendak

diungkapkan setepat-tepatnya mengikut konteks dalam bahasa Iban ialah “NGANGGAU NGENA TALIPON” (memanggil dengan telefon) yang juga ternyata kurang ekonomi. Sesungguhnya, di atas pertimbangan yang sama itu ia menjelaskan kenapa penutur adakalanya menggunakan ungkapan-ungkapan yang seumpamanya untuk tujuan memudahkan ekspresi. Antaranya ialah penggunaan “*dating*” (Unit 1/Episod 1); “*boss*” (Unit 1/Episod 3); “*speaking*” (Unit 3/Episod 1); “*boring*” (Unit 4/Episod 5); “*tension*” (Unit 9/Episod 2); dan “*international*” (Unit 10/Episod 2).

36. (Daripada Unit 9/Episod 1) Penutur memberitahu rakannya tentang kos yang terpaksa dibayarnya untuk memperbaharui kemudahan panggilan telefon bimbitnya.

S: ENGGI ENGKU NYA ENAM PULUH LAPAN SEMUA  
Punya saya itu enam puluh lapan semua  
IYA, termasuk line ENGGAU LUMUR IYA. G-118  
nya talian dan nombor nya

(Yang saya punya berjumlah enam puluh lapan ringgit,  
termasuk harga nombor dan talian perkhidmatannya.)

Selain itu, analisis data juga menunjukkan terdapatnya penukaran kod yang melibatkan campuran bahasa Iban-Inggeris-Melayu dalam ujaran yang sama. Antaranya ialah yang ditunjukkan dalam contoh 36 di atas. Campuran kod Melayu-Inggeris, iaitu seperti dalam frasa “*termasuk line*” (G-118) digunakan bersama ujaran bahasa Iban untuk mengungkapkan seringkas-ringkasnya maksud “harga telefon, termasuklah taliannya”. Padanan frasa yang sedia ada dalam bahasa Iban, yakni “NYENGKAUM TALI”, ternyata mempunyai konotasi makna yang berlainan kerana perkataan “TALI” dalam bahasa Iban hanya merujuk kepada benda yang halus dan panjang untuk mengikat sesuatu. Dalam konteks itu, ia tidak berupaya untuk menampung makna “*line*” yang dimaksudkan. Sesungguhnya, masalah

padanan semantik ini banyak menyebabkan subjek menggunakan ujaran bahasa lain demi memudahkan ekspresi semasa mereka berinteraksi. Antaranya ialah “lumba haram, *gangsterism*, *matured*, *under age*, *rockers*, *punk*, *skinhead*” (Unit 13/Episod 1); “*honeymoon*, *plan*, *camping*, *confirm*” (Unit 14/Episod 1); “*surfing*” (Unit 14/Episod 2); “soalan struktur” (Unit 14/Episod 3); dan “pencemaran” (Unit 14/Episod 3).

Namun, terdapat juga situasi penukaran kod dilakukan semata-mata untuk tujuan memudahkan ekspresi. Umpamanya, dalam perbualan yang terdapat dalam Unit 14/Episod 3, subjek menggunakan ungkapan bahasa Melayu Sarawak “*camni ngan*” (bagaimana dengan) untuk bertanya cara melakukan sesuatu. Jika dilihat dari segi inventori bahasa Iban itu sendiri, ungkapan tersebut memang tersedia ada dan membawa makna yang sama, iaitu “BAKA NI”, sepetimana yang terdapat dalam perbualan contoh 27 (muka surat 79) dan contoh 50 (muka surat 96). Maka di sini, bolehlah dikatakan bahawa penukaran kod dilakukan bukan kerana kekurangan inventori bahasa ibunda penutur atau kerana perkataan yang digunakan itu lebih ekonomi, tetapi dilakukan semata-mata kerana kebiasaan pada diri penutur akibat proses multilingualisme yang dialaminya.

Pendek kata, penukaran atau percampuran kod dalam konteks fungsi perbualan yang dibincangkan di atas merupakan satu strategi komunikasi yang digunakan oleh penutur untuk memudahkan ekspresi semasa mereka berinteraksi. Sebagai peserta yang terlibat secara aktif dalam sesuatu topik perbualan, faktor ketepatan makna, kemampuan inventori bahasa yang dipilih untuk mendukung sesuatu konsep dan kesan mesej yang ingin disampaikan merupakan antara pertimbangan yang perlu

dilakukan untuk memilih ungkapan atau ekspresi yang terbaik bagi sesuatu pendapat, idea atau pandangan pada ketika sesuatu ujaran itu dibuat. Ini selari dengan penjelasan Tay (1987) yang dikutip oleh Chin (1993: 45):

*The speaker being deeply involved in the topic discussed would choose the code based on which code has the most colourful, most expressive, shortest, most economic way of repeating or elaborating what was said earlier.*

Proses multilingualisme yang dialami oleh diri penutur juga adakalanya memainkan peranan dalam menentukan ekspresi yang dipilih, seperti dalam pemilihan penggunaan ekspresi bahasa Melayu Sarawak “camni ngan” di atas.

#### 4.2.8 Identifikasi peranan

Penukaran kod mungkin boleh menjadi mekanisme yang baik untuk meramal atau mengetahui identifikasi penutur. Kachru (1983), mengatakan bahawa beberapa maklumat sosio-ekonomi tentang si penutur dapat diperoleh melalui penukaran kod. Ini adalah berdasarkan fahaman bahawa peserta perbualan mungkin menggunakan penukaran kod sebagai strategi untuk mempamerkan kedudukan, kuasa atau status mereka dalam sesuatu hierarki sosial.

37. (Daripada Unit 3/Episod 2) Penutur yang berasal dari kawasan luar bandar dan tinggal di rumah panjang memberitahu rakan sekurususnya tentang gaya hidup di tempat tinggalnya yang kadang-kadang merunsingkannya.

S:      ENTI NITIH ATI AKU AMAT TAK ENGGAI  
          Kalau ikut hati saya sangat tidak mahu  
  
          AKU DIAU BA RUMAH PANJAI. TAK kuno                  H-03  
          Saya tinggal di rumah panjang. Lalu  
  
          ONTAK DIAU DI RUMAH PANJAI.  
          otak      tinggal di rumah panjang

(Kalau diikuti perasaan, saya tidak mahu tinggal  
di rumah panjang kerana terasa kolot)

Dalam contoh 37 di atas, penutur telah menggunakan perkataan “kuno” (H-03) untuk menggambarkan keadaan hidupnya sebagai seorang warga rumah panjang. Mungkin disebabkan oleh keadaan di rumah panjang yang serba ketinggalan jika dibandingkan dengan kemudahan yang terdapat di bandar, si penutur berasa yang hidupnya kolot. Perasaan si penutur itu mungkin menggambarkan masalah sesetengah penduduk rumah panjang yang rata-ratanya agak jauh ketinggalan dari segi tahap sosio-ekonomi. Bagaimanapun perbualan tersebut telah menyerlahkan peranan si penutur sebagai seorang pelajar di institusi pengajian tinggi yang turut tercuit hati dengan arus perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Dalam konteks perbualan penutur dan rakannya, ia adalah tentang gaya pemikiran penduduk rumah panjang yang pada perkiraannya ketinggalan zaman atau “kuno”. Selain itu, ia juga menunjukkan identiti penutur sebagai seorang yang berasal dari rumah panjang.

38. (Daripada Unit 4/Episod 1) Penutur bercerita tentang keadaan di perpustakaan yang lengang kecuali terdapatnya seorang pelajar baru sahaja.

I: NADAI ORANG?  
Tiada orang

S: NADAI SEMINA DATAI *junior* SIKO. H-05  
Tiada kecuali datang baru seorang

(Tiada orang kecuali seorang pelajar baru.)

39. (Daripada Unit 2/Episod 2) Penutur memberitahu kawannya siapakah orang yang menonton sebuah cerita seram bersama-sama suatu ketika dahulu.

S: NYIN JOTHI... NYIN ENGGAU AKU MEDA IYA  
Itu Jothi itu dengan saya tengok itu

BEDAU berkawan ENGGAU DONNA semester E-05/G-27  
masih dengan Donna

LIMA DIATU. MEDA BA KELAS senior DIN, H-01  
lima sekarang Tengok di kelas senior sana

ENGGAI PULAI AKU MALAM NYA LABAN  
tidak mahu pulang saya malam itu kerana

KELALU TAKUT.  
terlalu takut

(Itulah Jothi, kawan Donna pelajar semester lima yang bersama-sama saya menonton cerita itu di bilik kuliah senior. Saya rasa berkeberatan saya hendak balik pada malam itu)

Dua contoh di atas telah menyajikan maklumat peribadi diri penutur. Dalam contoh 38, penutur telah menyelitkan perkataan “*junior*” (H-05) dalam ujarannya ketika menceritakan keadaan di perpustakaan pada masa dia berkunjung ke tempat itu. Melalui penggunaan perkataan “*junior*” untuk merujuk kepada seorang pelajar baru yang turut berada dengannya di perpustakaan, bolehlah ‘diramalkan’ status penutur berkenaan sebagai seorang pelajar yang lebih *senior*. Manakala dalam contoh 39, adalah tidak sukar untuk kita mengetahui status penutur sebagai pelajar *junior* apabila dia menceritakan yang dia pernah menonton sebuah cerita seram bersama-sama rakannya di sebuah kelas *senior* (H-01). Begitu juga halnya dalam contoh 40 di bawah ini. Secara jelas, kita boleh mengetahui penutur adalah seorang yang pernah menuntut di Tingkatan Empat dahulu.

40. (Daripada Unit 13/Episod 1) Penutur memberitahu rakan sekursusnya tentang maklumat yang pernah diberikan oleh gurunya semasa dia masih belajar di peringkat sekolah menengah.

S: EM... LEBOH AKU DALAM Form Four SUBA. H-16  
Em masa saya dalam Tingkatan Empat dahulu

NEMU NUAN NAMA UTAI KA BISI DIPADAHKA  
tahu kamu apa benda yang ada diberitahu

BALA SIDA cikgu MAYA NYA SUBA?  
para                         masa itu dahulu

(Kamu tahukah apa yang diberitahu oleh guru kepada saya waktu saya menuntut di Tingkatan Empat dahulu?)

41. (Daripada Unit 4/Episod 4) Penutur memberitahu rakan sekursusnya yang kumpulannya akan menyertai Pendidikan Luar serentak dengan kumpulan “suaminya”.

S:      DUA PULUH TUJUH ARIBULAN DUA?  
Dua puluh tujuh hari bulan Februari

SERETAI MEH KITA ENGGAU BALA *hubby* AKU. H-06  
Serentak lah kamu dengan kumpulan suami saya

(Serentaklah kamu dengan kumpulan suami saya yang juga menyertai Pendidikan Luar pada dua puluh tujuh Februari.)

Sementara itu, status perhubungan sosial penutur dapat juga diketahui dalam contoh 41 di atas. Dalam ujarannya, penutur telah menggunakan perkataan “*hubby*”(H-06) untuk memberitahu rakannya yang “suaminya” juga turut menyertai Pendidikan Luar. Di sini apa yang dimaksudkan bukanlah suami yang sebenar kerana perkataan “*hubby*” mempunyai konotasi makna yang berlainan daripada maksud asalnya. Tegasnya di sini bahawa penukaran kod juga berfungsi sebagai sumber rujukan maklumat atau *referential information* (Holmes, 2001: 41) bagi meramalkan atau mengetahui identifikasi peranan si penutur.

#### 4.2.9 *Identifikasi laras*

Selain daripada identifikasi peranan, penukaran kod juga boleh berfungsi sebagai landasan untuk mengenali laras sesuatu wacana (*register identification*). Mengikut

Sridhar (1978: 115), penggunaan bahasa yang berlainan untuk tujuan yang berbeza-beza dalam konteks masyarakat pelbagai bahasa, biasanya akan mengakibatkan sesuatu bahasa itu dikaitkan dengan laras-laras tertentu. Identifikasi laras ini pula boleh dikenali melalui ciri-ciri khusus penggunaan bahasa berdasarkan bidang penggunaannya yang dapat diperhatikan melalui penggunaan pilihan kata atau istilah tertentu.

42. (Daripada Unit 3/Episod 1) Penutur bercakap dengan rakannya tentang sejenis penyakit yang pernah dideritai oleh emaknya.

S: LABAN MATA ENGGAU TUBUH IYA PEDA  
sebab mata dengan badan nya nampak

KITAI KUNING MAGANG, tapi IYA  
kita kuning semua, dia

K-06

SAKIT hepatitis... hepatitis B.  
sakit hepatitis hepatitis B

I-13/E-08

(Walaupun tanda pada mata dan badan kelihatan seperti penyakit kuning, sebenarnya ia adalah penyakit hepatitis B)

43. (Daripada Unit 9/Episod 2) Penutur mengeluh kerana tidak dapat membawa komputernya ke mana-mana apabila diperlukan, tidak seperti komputer riba.

S: NYA MEH AKU ENGGAI NGEMAI ENGKU  
Itu lah saya tidak bawa saya punya  
LELAK ENTI BAKA laptop NYAMAI, BAI KULU  
letih kalau macam senang bawa ke hulu

I-42

BAI KILI PEN OLIH.  
bawa ke hilir pun boleh

(Sebab itulah saya tidak membawa komputer, tidak seperti komputer riba yang senang dibawa ke mana-mana)

44. (Daripada Unit 10/Episod 1) Memandangkan dirinya yang belum cekap menggunakan komputer, penutur telah meminta kawannya supaya memberikan tunjuk ajar.

I: TU... TU... BUKA DE *floppy A*.  
Ini ini buka kamu cakera liut A  
(Kamu bukalah cakera liut A ini)

S: Floppy A TU?  
Cakera liut A ini

I-43

Tiga contoh di atas (contoh 42, 43 dan 44), memperlihatkan penggunaan perkataan-perkataan tertentu yang berupa kata nama daripada bahasa Inggeris mengikut bidang yang menjadi topik perbualan penutur. Dalam contoh 42, penutur memperkenalkan ungkapan “*hepatitis B*” (I-13) dalam wacana lisannya ketika menceritakan masalah kesihatan yang pernah dialami emaknya pada suatu ketika dahulu. Penggunaan istilah itu bukan sahaja menepati maksud mesej yang disampaikan, bahkan bersesuaian dengan bidang yang menjadi pokok perbualan. Begitu juga dengan penggunaan “*laptop*” (I-42) dalam contoh 43 dan “*floppy A*” (I-43) dalam contoh 44 yang dikaitkan dengan bidang sains dan teknologi atau lebih spesifik lagi bidang perkomputeran.

Manakala itu, dua contoh di bawah ini (contoh 45 dan 46) juga memperlihatkan penggunaan kata nama yang dikaitkan dengan bidang yang berlainan pula. Dalam contoh 45, penutur telah menggunakan perkataan “*burger*” (I-02) semasa bercerita tentang sejenis makanan Barat dengan rakannya. Sementara itu, ungkapan “*Dark Angel*” (I-10) dalam contoh 46 digunakan untuk menceritakan tentang satu siri drama Barat yang pernah hangat ditayangkan di kaca televisyen pada masa itu. Kedua-dua contoh tersebut menunjukkan betapa pentingnya untuk memelihara ketepatan makna asal sesuatu mesej kerana jika istilah yang digunakan itu diganti dengan istilah atau

perkataan dalam bahasa lain ia boleh membawa konotasi makna yang berlainan pula. Umpamanya, perkataan “pau” atau “roti” tidak boleh untuk memperkatakan “*burger*” dari segi ketepatan semantiknya. Begitu juga dengan “*Dark Angel*” yang tidak boleh disamakan dengan “malaikat hitam”. Oleh itu, adalah penting untuk subjek terus mengekalkan penggunaan kata nama asal dalam ujarannya selain menampakkan kesesuaian penggunaannya mengikut bidang yang dibicarakan, iaitu bidang pemakanan (“*burger*”) dan perfileman (“*Dark Angel*”).

45. (Daripada Unit 1/Episod 2) Penutur tertarik dengan hadiah percuma yang diperoleh oleh rakan sebiliknya dari sebuah tempat makanan segera. Hadiah itu mengingatkannya kepada makanan tersebut.

S: BERAPA REGA burger KA BESAI NYA? I-02  
Berapa harga yang besar itu  
(Berapakah harga burger yang besar itu?)

46. (Daripada Unit 2/Episod 2) Penutur memberitahu rakannya tentang hasratnya untuk menonton satu siri popular televisyen.

S: LAUN AKU TINDOK MALAM TU WAI, KA MEDA I-10  
Lewat saya tidur malam ini kawan, mahu tengok  
Dark Angel.  
(Saya akan tidur lewat malam ini kerana hendak menonton siri *Dark Angel*.)

Selain itu, analisis data juga menunjukkan penutur telah memasukkan perkataan-perkataan tertentu bahasa Melayu yang juga berupa kata nama ketika membicarakan sesuatu menurut bidangnya. Kata-kata nama itu, antara lain merangkumi nama dalam bidang fesyen atau pakaian (contoh 47), sosial (contoh 48), akademik atau pendidikan (contoh 49 dan 50) dan organisasi (contoh 51).

47. (Daripada Unit 4/Episod 3) Penutur menghadapi masalah pemilihan pakaian. Lantas dia meminta pandangan rakan sebiliknya tentang apakah pakaian yang paling sesuai untuk dipakainya pada keesokan harinya.

S: NAMA BAJU KENA AKU PAGILA WAI, baju batik? I-23  
Apa baju pakai saya besok kawan

(Apakah pakaian yang sesuai saya pakai untuk besok,  
baju batikkah?)

48. (Daripada Unit 8/Episod 2) Penutur memberitahu rakannya tentang masalah yang dihadapinya, iaitu hubungan di antaranya dengan rakan sebiliknya yang semakin kurang mesra.

S: ENTI BAKA SAMA BANSA, NYAMAI MEH  
Kalau macam sama bangsa senang lah

NEMU budaya DIRI EMPU. I-37  
tahu diri

(Kalau sebangsa, senanglah kerana tahu akan budaya  
diri sendiri)

49. (Daripada Unit 2/Episod 3) Penutur memberitahu yang dia bermalam di Sibu dengan saudaranya apabila ditanya oleh rakannya di mana dia berada ketika Kuching dilanda banjir.

S: MENYADI AKU Kursus Akademi I.C.T. I-14  
Saudara saya

(Saudara saya mengikuti Kursus Akademi I.C.T.)

50. (Daripada Unit 12/Episod 3) Penutur yang menghadapi masalah membuat kerja kursusnya, bertanya kepada rakannya bagaimana cara membuatnya.

S: BAKA NI KITAI NGAGA Kerja Kursus I-58  
Bagai mana kita buat

Bimbingan dan Kaunseling TU?  
ini

(Bagaimana cara membuat kerja kursus Bimbingan  
dan Kaunseling ini?)

51. (Daripada Unit 11/Episod 3) Penutur mengatakan yang dia tidak menyesal kerana tidak menghadiri pesta berbalas pantun yang melibatkan pasukan dari salah satu maktab yang dianggap oleh kawannya patut ditontoni.

S: OI..HA! INDU DARA Maktab Perguruan Batu Lintang I-49  
Perempuan dara

NADAI NGAWA UCHAK.  
tidak apa kawan

(Tidak kira ia peserta wanita dari Maktab Perguruan Batu Lintang.)

Dalam beberapa keadaan seperti yang ditunjukkan dalam contoh 47, adalah agak sukar untuk memikirkan perkataan daripada bahasa lain bagi tujuan mengungkapkan maksud yang didenotasi oleh “baju batik” (I-23). Lain pula dengan perkataan “budaya” (I-37) dalam contoh 48 yang boleh dicari perkataan “*culture*” dalam bahasa Inggeris sebagai pilihan penutur untuk membawa maksud yang sama. Bagaimanapun data menunjukkan yang penutur lebih gemar menggunakan perkataan “budaya” (perbualan Unit 8/Episod 2; dan Unit 12/ Episod 3) untuk membicarakan gaya hidup masyarakat. Pemilihan kata tersebut adalah kerana penggunaannya yang biasa dan oleh itu didapati lebih ‘dekat’ dengan dunia penutur yang lebih banyak lagi terdedah kepada bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris akibat sistem pendidikan yang dilalui mereka. Malah penggunaan ungkapan seperti “Kursus Akademi I.C.T.” (I-14) dalam contoh 49; “kerja kursus Bimbingan dan Kaunseling” (I-58) dalam contoh 50; dan “Maktab Perguruan Batu Lintang” (I-49) dalam contoh 51 memperkuuhkan lagi hakikat tersebut. Sesungguhnya kesemua ungkapan tersebut adalah berkait rapat dengan bidang akademik yang menjadi sebahagian penting dunia penutur atau subjek. Oleh itu, pendapat Nayar (1985: 9) yang mengatakan, antara lain: “... certain expressions are more direct or more precise or

*less cumbersome or more elegant in areas like academia, politics, medicines, science, technology, etc”* ada kebenarannya.

Sementara itu, analisis data dalam Jadual 5 di bawah menunjukkan terdapatnya pola tertentu dalam kecenderungan penutur menggunakan kata nama atau istilah di antara bahasa Melayu (Malaysia) dengan bahasa Inggeris bagi fungsi perbualan identifikasi laras. Secara keseluruhannya, peratusan penggunaan kata nama daripada bahasa Inggeris ialah hanya 41.79% berbanding dengan bahasa Melayu sebanyak 58.21%. Penggunaan kata nama Inggeris yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi berjumlah 22.39% secara keseluruhannya berbanding dengan hanya 8.96% bagi yang dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun bagi bidang akademik, penggunaan kata nama dalam bahasa Melayu adalah jauh lebih tinggi peratusannya, iaitu 29.85 berbanding dengan yang dalam bahasa Inggeris yang hanya berjumlah 1.49%.

**Jadual 5: Penggunaan istilah/kata nama mengikut bidang**

Bidang	Bahasa Inggeris Bil.	Bahasa Inggeris %	Bahasa Melayu Bil.	Bahasa Melayu %
Akademik	1	1.49	20	29.85
Sains	3	4.48	0	0.00
Teknologi	12	17.91	6	8.96
Umum (warna, filem, pakaian, makanan, bangunan, tempat)	11	16.42	10	14.93
Budaya dan Sosial	1	1.49	3	4.48
Jumlah	28	41.79	39	58.21

Kecenderungan penutur untuk memasukkan perkataan Melayu yang berupa kata nama dalam bidang akademik adalah berkait rapat latar pendidikan mereka. Sejajar

dengan status mereka sebagai pelajar yang menggunakan bahasa Melayu (Malaysia) sebagai kata pengantar bagi kursus perguruan yang diambil, kemungkinan untuk menggunakan perkataan-perkataan Melayu bagi mengungkapkan sesuatu maksud, khasnya yang berkaitan dengan bidang akademik adalah sesuatu yang sukar dinafikan. Cuma bagi sesetengah bidang seperti perubatan, sains dan teknologi baharulah kata nama tertentu atau istilah bahasa Inggeris digunakan di atas faktor kejelasan dan ketepatan makna.

#### 4.2.10 Komen lebihan

Terdapat juga situasi perbualan di kalangan penutur yang memperlihatkan mereka menukar kod untuk menyatakan komen yang dianggap sebagai tambahan atau lebihan kepada pendapat atau pandangan sebelumnya. Komen lebihan (*parenthetical remark*) ini boleh berbentuk satu ayat atau terdiri daripada beberapa kata pelengkap yang digunakan untuk menyatakan pujian, kritikan atau kemarahan penutur terhadap suatu situasi yang dialaminya.

52. (Daripada Unit 1/Episod 1) Penutur yang kurang sabar menunggu panggilan daripada teman lelakinya, rasa dikejutkan oleh bunyi nada dering telefon rakan sebiliknya yang padanya terlalu kuat. Oleh itu, penutur lalu melontarkan komennya secara spontan.

S: RAYA BESAI... BESAI ENDAR tone, ringtone I-01/E-01  
Amat besar besar benar nada nada dering

NYA. NYAU sakit telinga NINGA IYA. J-01  
itu Lalu dengar itu

(Bunyi nada dering itu sangat kuat sehingga menyakitkan telinga.)

Dalam contoh 52 di atas, penutur telah menyatakan rasa kurang senangnya apabila dikejutkan oleh bunyi nada dering telefon yang kuat. Dengan menyebut ungkapan “sakit telinga” (J-01) penutur bukan sahaja telah menambahkan komen yang telah dibuatnya dalam bahasa ibunda terlebih dahulu, iaitu “RAYA BESAI” (amat besar), malah telah memperkuatkannya apa yang telah diujarkan oleh peserta perbualan sebelumnya berkaitan dengan bunyi nada dering telefon yang sangat kuat itu.

53. (Daripada Unit 2/Episod 2) Penutur memberitahu rakannya yang dia pernah menonton sebuah cerita hantu. Baginya filem itu adalah yang paling seram yang pernah dia tontoni sehingga adakalanya dia terasa susah hendak masuk tidur jika teringat akan filem itu.

S: RAYA PEMALAT-MALAT... tapi BISI lah K-03/P-09  
Amat hebat hebat ada

CHERITA ANTU paling teruk DI KINGAT KA AKU J-02  
cerita hantu di ingat oleh saya

SAMPAI SARITU... ENGGAI TINDOK AKU MALAM  
hingga hari ini enggan tidur saya malam

LABAN CHERITA NYA.  
kerana cerita itu

(Terdapat juga sebuah cerita hantu yang amat seram sehingga ke hari ini masih mengganggu tidur saya.)

Bagi contoh 53 pula, penutur telah menggunakan ungkapan “paling teruk” (J-02) untuk menambahkan komennya yang terdahulu tentang betapa dahsyatnya suatu adegan pertarungan yang terdapat dalam sebuah filem seram yang menjadi topik perbualan mereka. Dengan menukar kod kepada “paling teruk” penutur jelas telah memberikan komen lebihannya dan pernyataan perasaannya itu semakin jelas apabila dia terus mengatakan yang tidurnya juga turut terganggu akibat keseraman cerita hantu yang pernah ditontoni mereka. Fungsi perbualan yang sama ini juga terdapat dalam contoh 54 di muka surat sebelah. Melalui ujaran “serba boleh” (J-04), penutur

telah memperkuuhkan lagi komennya tentang keenakan ubi sebagai suatu jenis masakan yang amat digemari oleh masyarakatnya dahulu. Malah masakan itu mengikutnya boleh disajikan dalam apa jua cara.

54. (Daripada Unit 3/Episod 3) Penutur berkongsi pengalaman dengan rakannya tentang sejenis makanan yang sehingga hari ini masih digemari oleh orang kampung. Makanan itu digemari kerana ia boleh dimasak dalam pelbagai cara.

S: GAGA SUP NYAMAI, GAGA BUBUR NYAMAI...  
Buat sup sedap buat bubur sedap

I: Serba NYAMAI BUAH UBI,  
sedap buah ubi  
S: Serba boleh.

J-04

(Ubi sedap-sedap belaka dimasak dalam apa jua cara.)

55. (Daripada Unit 4/Episod 2) Penutur meluahkan rasa marahnya kerana kerentah sesetengah pemanggil yang pada pendapatnya tidak bertimbang rasa, lantas dianggapnya sebagai penyibuk.

S: IYA KA telefon, BAKA KA PANGAN IYA AKU TU I-22  
Yang macam lah kekasih dia saya ini  
(Yang menelefon itu, macamlah kekasihnya saya ini)

ENDOR IYA NGERINGAT KA DIRI EMPU.  
tempat dia memarahi diri sendiri  
(tempat dia melepaskan geramnya)

I: BANGKA!  
Bodoh

S: Macam-macamlah! AKU DINI BISI masa melayan J-13/E-18  
Saya mana ada

IYA. ENTI IYA boyfriend AKU,  
dia Kalau dia teman lelaki saya G-54

AKU girlfriend IYA ANGKA GA.  
saya teman wanita nya mungkin juga G-55

(Macam-macamlah! Manalah saya hendak melayan kerentahnya sebab saya dan dia bukannya ada apa-apa perhubungan)

Sementara itu, komen lebihan penutur juga terkandung dalam ujaran yang terdapat dalam contoh 55 di atas. Dalam awal ujarannya, penutur telah melahirkan rasa marahnya terhadap keranah seseorang pemanggil yang disifatkannya sebagai penyibuk dan tidak bertimbang rasa kerana telah melepaskan rasa geramnya kepada orang yang tidak sepatutnya. Memandangkan mereka tidak mempunyai apa-apa perhubungan, penutur rasa amat kesal akibat perbuatan pemanggil tersebut yang juga turut membuang masanya. Oleh itu, penutur telah melemparkan komen lebihannya yang terkandung dalam ujaran “Macam-macamlah!” (J-13). *Parenthetical remark* yang berbau sindiran juga kedapatan dalam perbualan subjek. Dalam contoh 64 pada muka surat 109, penutur melahirkan reaksi kurang setujunya terhadap situasi yang diceritakan rakannya. Ekoran itu, dia lalu melemparkan komen “cayalah” (J-08).

Sesungguhnya, analisis data di atas telah menunjukkan yang penutur menukar kod untuk membuat komen sebagai tambahan kepada pendapat atau pandangan sebelumnya. Dengan berbuat demikian, penutur bukan sahaja memperlihatkan pendapat, kritikan atau kemarahannya, malah dapat memperkuuhkan maksud mesej yang diujarkan sebelumnya. Analisis juga menunjukkan penutur lebih gemar membuat *parenthetical remark* dalam sama ada bahasa Iban atau bahasa Melayu jika dibandingkan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris untuk menyatakan komen tersebut didapati agak terbatas kepada penggunaan perkataan atau ungkapan yang lebih pendek seperti yang terdapat dalam penggunaan perkataan “cool” (J-12) dalam contoh 56 dan “best” (J-20) dalam contoh 57.

56. (Daripada Unit 7/Episod 1) Penutur berasa amat bertuah kerana mempunyai seorang ibu yang penyayang, penyabar dan faham akan dirinya.

S:        ... cool     AMAT     IYA     PEDA AKU.  
            penyabar     sungguh     dia     tengok saya

J-12

(Dia seorang yang sungguh penyabar bagi saya)

57. (Daripada Unit 14/Episod 1) Penutur berasa terpesona apabila dia diceritakan oleh kawannya tentang percutian kakaknya di suatu tempat.

- I: BISI *holiday* NGAGAI PULAU PINANG kakak  
Ada cuti di Pulau Pinang
- AKU SARINYA.  
aku hari itu  
(Kakak saya ada bercuti di Pulau Pinang semasa cuti itu)
- S: OOO... best AMAT NYA. Honeymoon ke? J-20/G225/M-16  
syok sangat itu Bulan madu
- (Oh, sangat syoknya. Dia berbulan madukah?)

Fenomena ini boleh dikaitkan dengan faktor keupayaan linguistik di kalangan subjek dan nilai sosial bahasa yang digunakan. Memandangkan kesemua mereka memiliki tahap kecekapan berbahasa Melayu yang tinggi (lihat perkara 3.2) dan bahasa Iban pula merupakan bahasa harian mereka, maka adalah lebih mudah bagi penutur untuk melahirkan perasaan, kritikan, pendapat atau komen lebihan mereka dalam dua bahasa tersebut.

#### 4.2.11 Penegasan perbezaan

Mengikut Rayfield (1970: 57), penukaran kod juga berperanan untuk menegaskan perbezaan yang terdapat di antara dua klausa dwibahasa yang digunakan secara rentetan untuk menyampaikan sesuatu mesej. Penegasan perbezaan ini biasanya ditandai oleh penggunaan kata hubung yang bersifat kontrastif. Analisis data menunjukkan terdapatnya dua kata hubung yang bersinonim digunakan, iaitu “*but*” dan “*tapi*” untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun adalah amat penting untuk melihat

terlebih dahulu lingkungan linguistik sesuatu wacana secara holistik sebelum dapat ditentukan apakah motivasi sebenar di sebalik pencetusan sesuatu penukaran kod. Oleh itu, klausula sebelum dan atau selepas penggunaan sesuatu kata hubung perlu dikaji bagi tujuan tersebut, seperti mana yang ditunjukkan dalam contoh berikut:

58. (Daripada Unit 1/Episod 1) Penutur yang didesak oleh kawan-kawannya supaya bercakap benar tentang mesej ringkas telefon (SMS) yang baru diterimanya terpaksa meyakinkan mereka sekali lagi.

S: Eh, betul *I cakap ni!* E-02

I1: *You believe?*  
Kamu percaya

I3: *You don't lie, I know you.*  
Kamu jangan bohong saya tahu kamu

S: But *true* *I swear*... NADAI UTAI K-01  
Tetapi benar saya sumpah tiada perkara

DISALAMKA SEDUAI UTAI KA MIT MIT BAKA NYA.  
dirahsiakan kamu berdua perkara yang kecil kecil macam ini.

(Tetapi ia benar, saya bersumpah yang saya tidak menyembunyikan sesuatu daripada kamu berdua lebih-lebih lagi perkara yang kecil seperti ini)

59. (Daripada Unit 5/Episod 1) Penutur terpaksa merayu kepada rakannya yang ada kenderaan untuk menumpangkannya ke suatu destinasi walaupun kawannya itu sudah ada penumpang lain.

I: ENDA NEMU because *I'm bringing Santiago.*  
Tidak tahu sebab saya bawa  
(Tidak pasti kerana saya membawa Santiago.)

S: But *you can.* TULONG lah UCHAK. K-07  
Tetapi kamu boleh. Tolong kawan

(Tolonglah, saya tahu kamu boleh membantu)

Contoh 58 dan 59 di atas mengandungi kata hubung “*but*” yang digunakan untuk menunjukkan kontras yang terdapat dalam dua klausa yang berlainan kod. Dalam contoh 58, kata “*but*” (K-01) digunakan untuk menghubungkan klausa “*true I swear*” (saya bersumpah (ia) benar) dengan klausa yang telah dilafazkan oleh penutur sebelumnya, iaitu “Eh, betul *I cakap ni*” (E-02) sebagai tangkisan kepada dakwaan kawan-kawannya yang dia tidak bercakap benar. Dalam konteks cara klausa “*true I swear*” dicetuskan, bolehlah ditafsirkan bahawa ia adalah akibat atau reaksi kepada ujaran sebelumnya. Pencetusan sebegini disebut Clyne (1969) sebagai *consequential switching* atau penukaran berakibat. Penukaran kod jenis ini juga berlaku dalam perbualan yang ditunjukkan dalam contoh 59. Dengan melafazkan “*but you can*” (tetapi kamu boleh) penutur sebenarnya merayu kepada rakannya supaya menumpangkannya kerana dia yakin yang kawannya itu masih boleh membawanya bersama. Rayuan itu dibuat sebagai reaksi kepada implikasi respons rakannya yang menyatakan dia hendak membawa orang lain. Situasi yang sama juga berlaku dalam contoh 60 di bawah.

60. (Dari pada Unit 5/Episod 1) Penutur yang tidak banyak pilihan terpaksa bersetuju untuk pergi bersama-sama rakannya pada hari Jumaat ke satu tempat walaupun dia kena balik dahulu ke kampungnya.

S: ARI LIMA TU? OLIH GA *but* *I want to back to* K-08  
Hari Jumaat ini Boleh juga tetapi saya mahu balik ke  
*Sarikei first*. ARI ENAM AKU DATAI BARU.  
dahulu. Hari Sabtu saya datang baru

(Boleh juga tetapi saya kenalah balik ke Sarikei dahulu pada hari Jumaat. Saya akan datang semula pada hari Sabtu.)

Dalam contoh ini, penutur menggunakan kata hubung kontrastif “but” (K-08) dalam klausa “*but I want to back to Sarikei first*” (saya kenalah balik ke Sarikei dahulu) untuk menyatakan responsnya terhadap cadangan rakannya.

61. (Daripada Unit 2/Episod 3) Penutur menceritakan kepada kawannya cara bagaimana dia dibenarkan untuk menumpang di sebuah asrama.

S: NADAI, ENTI DE SIKO RUMPAS BAKA TU NADAI  
Tiada kalau kamu seorang sendirian macam ini tiada  
(Tidak menjadi masalah jika kamu seorang sahaja macam ini)

tapi kalau berkumpulan BEBAI KA APAI INDAI, K-04  
bawa bapa ibu

AKI,INI...DE NYAU BERAMBAT-RAMBAT,  
datuk nenek kamu nampakberduyun duyun  
sorry lah ENGGAI IYA. G-42/P10  
maaf enggan dia

(Dia pasti tidak mahu menerima kedatangan kamu  
yang beramai-ramai bersama ibu bapa dan datuk nenek)

62. (Daripada Unit 7/Episod 1) Semasa berbincang tentang pengorbanan yang terpaksa dilakukan dalam sesuatu perhubungan, penutur memberitahu kawannya yang dia dengan teman lelakinya agak jarang bersengketa.

S: Tapi KAMI DUAI NYIN SIGI jarang berkrisis. K-10/E-31  
kami berdua itu memang

JENA DIA ENDA MERI KAMI DUAI berkrisis. G-87  
Apa pun tidak menyebabkan kami berdua

(Apapun sebabnya, kami berdua tetap jarang bersengketa)

Bersinonim dengan “but” ialah kata hubung “tapi” (tetapi) yang terdapat dalam contoh 61(K-04) dan 62 (K-10) di atas. Dari segi fungsi linguistik, ia juga digunakan untuk menghubungkan dua klausa bagi menunjukkan perbezaan. Dalam contoh 61, kata hubung tersebut digunakan untuk merangkaikan dua klausa yang berbeza. Satu

yang bersifat ekabahasa dan satu lagi berupa campuran kod. Binaan konstituen yang sama juga terjadi dalam contoh 62. Sesungguhnya, ujaran yang terdapat dalam kedua-dua contoh tersebut juga merupakan *consequential switching* kerana kedua-duanya tercetus akibat daripada reaksi penutur terhadap ujaran sebelumnya.

Sungguhpun analisis data menunjukkan kesemua kata hubung yang dibincangkan di sini mempunyai persamaan dari segi fungsi linguistik, namun terdapat juga perbezaan dalam penggunaan bahasa yang menjadi asas binaan konstituen klausanya. Penggunaan kata hubung “*but*” didapati terhad kepada klausa ekabahasa, iaitu klausa yang sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Contoh 58, 59 dan 60 di atas membuktikan hakikat ini. Sebaliknya, kata hubung “*tapi*” (contoh 61; dan 62) digunakan dalam klausa yang binaan konstituennya melebihi satu bahasa.

Fenomena linguistik seumpama ini mungkin berkait rapat dengan kesedaran linguistik penutur. Biasanya untuk membolehkan seseorang penutur dwibahasa menukar kod di peringkat klausa, ia menuntut kecekapan linguistik yang lebih tinggi berbanding dengan penukaran kod di peringkat perkataan atau frasa. Bagaimanapun memandangkan klausa Inggeris yang terdapat dalam percakapan penutur ringkas-ringkas belaka, agak sukar untuk mengatakan ia boleh mencerminkan tahap kecekapan linguistik yang tinggi. Mungkin penjelasan Clyne (1969) yang mengatakan ia adalah suatu usaha yang disengajakan untuk mengelak daripada menggunakan sepatah demi sepatah perkataan morfosemantik (*morphosemantic word*) ada benarnya. Dalam konteks ini penutur menyedari yang dia menggunakan dua sistem bahasa yang berbeza semasa menukar kod di peringkat klausa mahupun ayat. Oleh itu, penutur merasakan betapa perlunya dia mengekalkan seluruh klausa

dalam satu bahasa sahaja, seperti yang berlaku dalam klausu bahasa Inggeris tersebut.

#### 4.2.12 Penegasan pernyataan yang tidak diduga

Penukaran kod adakalanya dilakukan untuk menegaskan pernyataan yang kadang-kadang tidak dijangka atau diduga oleh pendengar. Pernyataan yang tidak diduga itu biasanya diucapkan dalam kod bahasa yang berlainan dan seolah-olah menyimpang daripada kesinambungan ujaran atau perkara yang dibualkan pada ketika itu. Oleh itu, pendengar merasakan ia sebagai sesuatu yang tidak dijangka dan kadang-kadang boleh menimbulkan kesan atau reaksi negatif, seperti rasa kurang percaya atau kurang yakin, malah boleh mencetuskan rasa kurang senang atau marah walaupun dalam sesetengah situasi ia juga boleh mencetuskan keseronokan (*amusement*) dan kegembiraan kepada peserta perbualan. Fungsi penukaran kod ini dapat diperhatikan melalui perbualan yang ditunjukkan dalam contoh 63, 64, 65 dan 66 di bawah:

63. (Daripada Unit 3/Episod 3) Penutur memberitahu rakannya tentang khasiat ubi. Malah dia mengatakan ubi pernah menjadi makanan ruji terutama sekali dalam zaman dilanda kesusahan. Bagaimanapun dia mendapati yang rakannya itu nampak kurang yakin kerana tidak menjangka perkara seperti itu boleh berlaku.

S: ORANG SUBA NADAI UTAI DIEMPA, UKAI ENDA  
Orang dahulu tiada benda dimakan, bukan tidak  
MAKAI BUAH UBI...What are you laughing... L-01  
makan buah ubi Apa kamu ketawa

laughing at?  
ketawa pada

(Pada suatu masa dahulu ubi pernah menjadi makanan ruji. Apakah yang kamu ketawakan?)

Contoh 63 di atas, menunjukkan penutur secara tiba-tiba memilih untuk tidak meneruskan percakapannya dalam bahasa Iban untuk menceritakan zaman keperitan hidup yang pernah berlaku pada suatu masa dahulu. Sebaliknya dia telah beralih kod kepada penggunaan ungkapan bahasa Inggeris untuk menegur perbuatan kawannya yang mentertawakan ceritanya kerana kurang percaya akan kebenarannya. Ungkapan “*What are you laughing...laughing at?*”(L-01) (Bermaksud: Apa yang kamu ketawakan?) sesungguhnya tidak diduga kerana analisis data menunjukkan yang bahasa digunakan sebelum ujaran dramatik itu dibuat adalah rata-ratanya dalam bahasa ibunda peserta. Penggunaan bahasa Inggeris agak terbatas kepada bahagian awal episod perbualan, itupun sangat ringkas sahaja. Dengan berbuat demikian, penutur seolah-olah menghantar isyarat akan kebenaran mesej yang disampaikan. Dalam perkataan lain, penutur ingin menegaskan pernyataan atau mesej yang disampaikannya.

64. (Daripada Unit 4/Episod 3) Rakan penutur rasa tersentak dengan komen yang diberikan oleh penutur memandangkan kemahiran yang dia ceritakan itu bukannya susah sangat untuk dilakukan.

S: Like that ke? NYAMAI ENDAR ANTI L-02/M02  
Macam itu Senang sangat kalau

MUNYI NYA.  
bunyi itu

(Macam itu, senang nampaknya)

I: Like that lah.  
Macam itu

S: Cayalah... DE ENDANG boleh tahan. J-08/L-03  
Percayalah kamu memang

(Kamu sememangnya handal)

Sementara itu, melalui ungkapan dwibahasa Iban-Melayu yang terdapat dalam perbualan yang ditunjukkan dalam contoh 64, penutur secara sinis mengatakan yang kawannya itu sememangnya handal. Reaksi penutur yang dicerminkan melalui ujaran seumpama ini mungkin tidak diduga sama sekali memandangkan cara menggosok pakaian yang diceritakan itu bagi kebanyakan orang adalah satu kemahiran yang tidak rumit untuk dilakukan. Pernyataan yang tidak diduga seperti itu juga terdapat dalam perbualan yang ditunjukkan dalam contoh 65 di bawah. Dengan memuji kawannya sebagai wanita yang bertuah melalui ujaran "*You're lucky babe!*"(L-04), penutur telah menegaskan secara dramatik untung nasib yang dikecapi kawannya itu walaupun cuba dinafikan.

65. (Daripada Unit 7/Episod 1) Penutur memuji kawannya kerana baginya dia amat bernasib baik walaupun cuba dinafikan.

S: *You're lucky babe!* ENDA BAKA AKU NYAU... L-04  
Kamu bertuah sayang tidak seperti saya yang...  
(Kamu bertuah tidak seperti saya)

I: *Lucky?* ...ENDA GA BAKA NYA!  
Bertuah Tidak juga macam itu  
(Bertuah? Tidaklah seperti itu!)

66. (Daripada Unit 8/Episod 1) Penutur memberikan reaksinya yang melucukan terhadap cerita kawannya.

I: NADAI, NGENATIKA DIRI EMPU AJA. NGAGA  
Tiada, buat hal sendiri sahaja. Buat  
KERJA IYA AJA, NADAI JAKO IYA.  
kerja dia sahaja tiada kata dia  
(Dia tidak menghiraukan perkara lain, hanya membuat kerjanya sahaja.)

S: PIA? *Charlie* ENDAR! L-05  
Begitu? Lucu sungguh!

Bertitik tolak daripada analisis perbualan seperti yang terdapat dalam contoh di atas, bolehlah dikatakan penutur menukar kod sebagai satu lagi strategi komunikasi untuk menegaskan maksud sesuatu mesej atau pernyataan yang kekadang tidak diduga oleh pendengar. Penyampaian yang dramatik, sesungguhnya boleh meninggalkan kesan yang dramatik juga kepada pendengar atau peserta perbualan yang terlibat. Analisis data menunjukkan yang fungsi perbualan ini banyak berlaku di kalangan peserta yang mempunyai perhubungan sosial yang rapat, seperti di antara kawan karib; dan ini adalah sejajar dengan fungsi penukaran kod, antara lain untuk tujuan suka-suka atau keseronokan (Holmes, 2001: 39), seperti yang terdapat dalam contoh 66 di atas melalui penggunaan perkataan “*Charlie*” (L-05) untuk menggambarkan keadaan yang dianggap peserta perbualan sebagai melucukan sepertimana lucunya watak komedi Charlie Chaplin itu sendiri.

#### ***4.2.13 Pernyataan yang memerlukan jawapan atau pengesahan***

Dalam banyak situasi perbualan, penutur adakalanya juga menukar kod dalam ujaran mereka yang berbentuk pernyataan untuk sama ada bertanyakan soalan atau untuk mendapatkan kepastian berhubung dengan sesuatu yang mungkin merupakan pendapat, pandangan, atau komen. Terdapat dua jenis pernyataan yang digunakan untuk tujuan tersebut, pertama yang menggunakan kata soal; dan kedua tanpa kata soal. Analisis data menunjukkan kata partikel Melayu “kah” dan kadang-kadang disesuaikan sebutannya sebagai [kə] selalu ditambahkan pada penghujung pernyataan yang berbentuk soalan, khususnya pernyataan dwibahasa Iban-Melayu.

67. (Daripada Unit 2/Episod 2) Penutur cuba mengingatkan semula kawannya tentang sebuah siri televisyen yang pernah menjadi rancangan kegemaran mereka.

S: ENDAI! Bukankah CHERITA NYA KA DI ANTI M-01  
Alamak cerita itu yang dinanti

BALA KAMI TIAP MALAM ARI EMPAT?  
bala kami tiap malam hari Khamis

(Alamak! Bukankah cerita itu yang kami nanti-nantikan pada setiap malam Khamis?)

68. (Daripada Unit 11/Episod 3) Penutur ingin tahu adakah kebun sayur-sayuran yang diceritakan oleh rakannya itu merupakan projek Kemahiran Hidup kumpulan mereka.

S: NAMA NYA projek BALA KITAkah? G-161/ M-09  
Apa itu orang kamu

(Adakah itu projek kamukah?)

69. (Daripada Unit 14/Episod 1) Penutur yang mengetahui kawannya berminat menyertai satu aktiviti lasak dengannya, inginkan kepastian sama ada ibu bapa kawannya itu akan membenarkannya.

I: NGANTI AKU MINTA permission ARI family AKU.  
Tunggu saya minta kebenaran daripada keluarga saya

S: NUAN rasa-rasa NGASUH SIDA IYA ke? G-232/M-18  
Kamu membenarkan mereka itu

(Kamu rasa, adakah mereka akan membenarkan?)

Dalam contoh 67 dan 68 di atas; dan juga contoh 13 pada muka surat 68, penutur meregukan kata partikel “kah” (M-09) dengan pernyataan Iban yang berbentuk pertanyaan untuk mendapatkan jawapan atau kepastian. Sejajar dengan fungsinya sebagai kata penegas, kehadiran partikel “kah” dalam pernyataan tersebut telah membantu untuk menguatkan maksud mesej yang hendak disampaikan. Selain itu, terdapat juga penggunaan partikel “kah” yang disesuaikan mengikut kebiasaan sebutan di kalangan subjek, iaitu “ke” (M-18) seperti yang ditunjukkan dalam contoh

69 di atas. Bagaimanapun, analisis data menunjukkan kehadiran partikel “kah” tidak kedapatan dalam pernyataan dwibahasa Iban-Inggeris. Hasrat penutur untuk mendapatkan jawapan atau kepastian hanya disampaikan melalui ujaran pertanyaan yang sama ada menggunakan kata tanya atau tanpa kata tanya. Contoh 70 dan 71 di bawah membuktikan hakikat ini.

70. (Daripada Unit 10/Episod 1) Penutur yang masih baru menggunakan komputer telah bertanya kepada rakannya untuk mendapatkan kepastian tentang cara mengendalikannya.

I: *Floppy... wait a minute... cancel.*

S: UDAH NYA? Start? M-12  
Lepas itu Mula

(Mula lagikah selepas itu?)

71. (Daripada Unit 10/Episod 3) Penutur yang belum lagi memulakan kerjanya ingin tahu adakah kerja kawannya telah siap.

S: NI ENGGI DE, have you finished? M-15  
Mana kamu punya, sudah kamu habis

(Adakah yang kamu punya sudah siap?)

Dalam contoh 70, penutur telah mengemukakan pertanyaannya tanpa menggunakan kata tanya. Bagi menyatakan maksudnya penutur telah memilih untuk menggunakan ungkapan “Start?”(M-12). Bagaimanapun dalam contoh 71, pertanyaan dibuat dengan menggunakan kata tanya (M-15), iaitu “*have you finished?*” (Bermaksud: Adakah anda sudah siap?).

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan ke atas perbualan para peserta seperti di atas, satu persoalan yang timbul ialah kenapakah kata partikel “kah” ditambahkan

pada sesetengah pernyataan dwibahasa Iban-Melayu sebagai unsur penegasan dalam ujaran pertanyaan. Adakah ini bermakna yang pernyataan berbentuk pertanyaan dalam bahasa ibunda para penutur tidak terdapat kata penegas? Sesungguhnya, analisis data menunjukkan terdapatnya kata penegas dalam bahasa ibunda penutur yang mendukung fungsi linguistik yang sama dengan kata partikel “kah”, iaitu perkataan “MEH”. Contoh penggunaannya boleh dilihat dalam ujaran “KINI MEH DE TU?” (Ke manakah kamu ini?); “SAPA MEH NYA TADI?” (Siapakah orang itu tadi?) (Lihat transkripsi perbualan dalam Unit 1/Episod 1); dan “NAMA MEH KEBUAH DE?” (Apakah alasan kamu?) (Unit 4/Episod 3). Bertitik tolak daripada hakikat itu, bolehlah dikatakan penambahan kata partikel “kah” dalam sesetengah ujaran pertanyaan Iban untuk menggantikan fungsi kata “MEH” adalah dicetuskan oleh faktor persamaan linguistik di antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu. Persamaan semantik yang didukung oleh kedua-dua kata tersebut memungkinkan penutur begitu mudah untuk menambahkan kata partikel “kah” dalam ujaran pertanyaan mereka bagi mendukung maksud “MEH”. Dalam perkataan lain, ini adalah satu lagi manifestasi kemahiran retorika penutur masyarakat pelbagai bahasa (Holmes, 2001: 38-39).

#### *4.2.14 Perihal kesopanan*

Ini merupakan satu lagi fungsi perbualan penukaran kod. Mengikut Holmes (2001: 267), perihal bersopan santun adalah sesuatu perkara yang rumit dalam mana-mana bahasa kerana ia melibatkan bukan sahaja pemahaman tentang bahasa itu, tetapi juga nilai sosial dan budaya komuniti bahasa itu sekali. Seseorang yang bersopan santun, amnya adalah orang yang senantiasa mementingkan perasaan orang lain yang dibuat atas perkiraan beberapa faktor seperti umur, gender, perhubungan sosial dan status

yang ditentukan oleh pangkat, pekerjaan serta tahap pendidikan. Malah konteks formal atau tidak formal berlakunya sesuatu perbualan juga perlu diambil kira untuk menentukan ketepatan bahasa atau ekspresi yang digunakan, seperti mana yang diperjelaskan Holmes (2001: 271) lagi: "*Being polite means getting the linguistic expression of social distance right as far as your addressee is concerned.*" Dalam konteks kajian ini, keinginan penutur untuk memelihara kesopanan dan tanda hormat terhadap seseorang, khasnya mereka yang lebih tua dan berkedudukan atau berstatus lebih tinggi telah dimanifestasi melalui penggunaan kata rujukan kehormat, antaranya "encik" dan "cikgu".

72. (Daripada Unit 2/Episod 3) Penutur menceritakan kepada kawannya betapa baiknya bekas guru emaknya kepada mereka semasa mereka berada dalam kesusahan. Malah penutur amat mengagumi sifat mulia guru tersebut.

S: Cikgu NYA EMPU MEH ENGGAU KAMI DIA, N-01  
itu sendiri lah dengan kami situ

MAKAI DIA, BEBADAS ANGKA DE MENTAS  
makan situ. Bagus tahu kamu pemurah

AMAT RINCHAH BAKA UDAH NGELALA KITAI.  
sangat peramah seperti sudah kenal kita.

(Guru yang makan bersama kami itu amat peramah dan bermurah hati, seolah-olah dia sangat mengenali kita.)

73. (Daripada Unit 6/Episod 2) Semasa bercerita tentang kegiatan kurikulum yang baru sahaja diikutinya pada sebelah petang, penutur rasa amat kagum dengan bakat lakonan yang ada pada pensyarah yang menjadi jurulatihnya.

S: KELALU TAU NGELAGU UTAI Encik Roslan, N-05  
Terlalu tahu menggaya benda

PEDIS ATI AKU MEDA IYA  
sakit hati saya tengok dia

(Encik Roslan sangat pandai melakonkan sesuatu sehingga saya geram melihatnya.)

Dalam contoh 72, penutur yang bercerita tentang layanan baik yang ditunjukkan oleh bekas guru emaknya, telah menggunakan kata gelaran “Cikgu” untuk merujuk kepada pendidik berkenaan. Penutur tidak merujuk kepadanya dengan menyebut namanya. Begitu juga halnya dengan situasi perbualan yang ditunjukkan dalam contoh 73. Penutur, ketika menceritakan perkara yang berlaku semasa dia menjalani aktiviti ko-kurikulum, telah merujuk pensyarahnya dengan panggilan “Encik” dan disertai dengan namanya, iaitu “Encik Roslan”. Selain itu, panggilan kekeluargaan juga turut terdapat dalam perbualan subjek untuk menunjukkan adab kesopanan, antaranya ialah seperti dalam contoh 74 di bawah ini.

74. (Daripada Unit 13/Episod 3) Semasa bercerita tentang keghairahan menyambut Perayaan Gawai, penutur memberitahu kawannya tentang sebab pak ciknya tidak dapat beraya bersama.

S: KAMI PEN SAMA. Uncle AKU KE BA JOHOR N-14  
Kami pun sama. Pak cik saya yang di Jojor

MAYA *last year* ENDA PULAI IYA LABAN  
semasa akhir tahun tidak pulang dia kerana

PENUSAH MAYA SAKIT SARS SUBA DEH I-61  
masalah semasa sakit dahulu lah

(Kami pun sama. Semasa berlakunya wabak SARS,  
pak cik saya di Johor tidak dapat balik tahun lepas)

Dengan tidak menyebut terus nama seseorang, khasnya orang yang lebih tua atau berstatus lebih tinggi, penutur telah memperlihatkan nilai sosial masyarakatnya yang mementingkan kesopanan dan budi bahasa serta adab percakapan yang menjadi norma masyarakat. Sehubungan itu, adalah sesuatu amalan semula jadi untuk penutur merujuk kepada seseorang berdasarkan gelaran atau kedudukannya dalam hierarki sosial masyarakatnya. Dalam konteks kajian ini yang situasi perbualan di kalangan subjek berlatarbelakangkan masyarakat maktab perguruan, sesungguhnya kata

panggilan “Encik” untuk para pensyarah adalah antara penggunaan bahasa atau ekspresi yang bersesuaian dengan jarak sosial yang menggambarkan perhubungan pensyarah dengan guru pelatih.

#### 4.2.15 Penukaran topik perbualan

Penutur juga adakalanya menukar kod untuk tujuan penukaran topik perbualan. Menurut Fishman (1972), topik memainkan peranan penting untuk mempengaruhi penutur menukar kod. Seseorang penutur dwibahasa adakalanya merasakan sesuatu perkara atau topik lebih mudah jika dibincangkan dalam sesuatu bahasa berbanding dengan bahasa lain. Mengikut Gumperz (1982), nilai sosial yang dikaitkan dengan sesuatu bahasa boleh menambahkan kesan atau “umph” (*flavour*) kepada apa yang dibincangkan dalam sesuatu topik itu.

75. (Daripada Unit 7/Episod 2) Penutur yang berborak-borak dengan kawannya tentang rupa paras kawannya yang cantik seperti emaknya, tiba-tiba beralih topik kepada cerita tentang gaya hidup keluarganya.

I: ... Masih *steady* (e)mak AKU. Masih *beautiful*, MUNYI  
boleh tahan saya cantik kata  
  
KO ORANG.  
ikut orang

(Emak saya masih kelihatan cantik, mengikut kata orang)

S: Patutlah kamu cantik macam mak kamu. NEMU O-02  
Tahu  
  
DE, APAI AKU RAYA NYABUNG. KAMI SEBILIK  
kamu ayah saya kuat laga ayam kami sekeluarga  
  
TAK NYABUNG MAGANG-MAGANG.  
laga ayam semua semua  
  
(Kami sekeluarga semuanya kaki laga ayam.)

Dalam perbualan yang terdapat pada contoh 75, penutur yang memuji kecantikan kawannya telah beralih semula kepada penggunaan bahasa Iban untuk menceritakan gaya hidup ayah serta seluruh anggota keluarganya yang selalu terlibat dalam perlagaan ayam. Penutur memilih untuk mengungkapkan mesejnya dalam bahasa ibundanya bukan kerana ia tidak boleh disampaikan dalam bahasa lain, tetapi mungkin nilai sosial mesej itu lebih berkesan lagi jika disampaikan dalam bahasa ibundanya. Ini adalah kerana perlagaan ayam pernah dan masih menjadi sebahagian daripada budaya sesetengah orang Iban, terutama sekali dilakukan apabila ada sesuatu perayaan kebudayaan seperti sempena perayaan Pesta Gawai.

76. (Daripada Unit 11/Episod 3) Penutur yang diberitahu oleh rakannya tentang kehadiran mereka yang diwajibkan untuk menghadiri satu majlis, sebaliknya mengatakan sesuatu yang lain pula.

I1: Mestilah wajib! KATI DE ENGGAI ENGAU?  
Mengapa tidak ikut?

S: OI ... HA! Awek Maktab Perguruan 0-05

Batu Lintang, NADAI NGAWA UCHAK.  
tiada hal kawan

(Tidak mengapa gadis dari Maktab Perguruan Batu Lintang.)

77. (Daripada Unit 1/Episod 1) Penutur mengharapkan kawannya dapat memahami kelakuannya. Jadi apabila ditanya oleh kawannya apa yang dia sedang lakukan, maka dijawabnya dalam bahasa lain yang dia ada temujanji.

I1: NAMA GAGA DE?  
Apa buat kamu  
(Kamu buat apa?)

S: EM ...tahu-tahu sajalah , 0-01

ka DATING aku tu.  
mahu temujani saya ini

(Faham-fahamlah yang saya ini ada temujanji.)

- I1: KINI MEH DE TU?  
Ke manakah kamu ini
- I2: KA KINI NUAN?  
Ke mana kamu  
(Kamu hendak ke mana?)

S: Eh, ni ada.  
mana ada

O-02

Contoh 76 dan 77 di atas juga menunjukkan penukaran kod dilakukan untuk menukar topik perbualan. Dalam contoh 76, penutur yang tidak berminat untuk menghadiri sesuatu majlis telah memberitahu rakannya tentang perkara lain yang langsung tidak ada kena mengena dengan kewajipan menghadiri majlis tersebut. Ini dilakukannya dalam kod bahasa yang berlainan daripada yang digunakan oleh rakannya. Bagi contoh 77, penutur yang ditanya oleh kawannya tentang apa yang sedang dia lakukan telah tidak menjawab pertanyaan tersebut. Sebaliknya, dia mengharapkan kawannya itu dapat memahami keinginannya untuk berjumpa dengan seseorang dalam bahasa yang berlainan kod pula. Begitu juga dengan situasi yang kedua apabila penutur tidak menjawab pertanyaan kawannya secara langsung. Malah dia telah memilih untuk menggunakan bahasa Melayu Sarawak “*Eh, ni ada*” (O-02) (Bermaksud: mana ada) untuk cuba mengelakkkan pertanyaan kawannya.

Berdasarkan analisis perbualan seperti yang dilakukan dalam semua contoh di atas, jelas menunjukkan penutur menukar kod bukan semata-mata untuk beralih kepada topik atau perkara baru, bahkan juga sebagai petanda yang dia tidak ingin meneruskan perbualan atau perbincangan tentang sesuatu perkara itu. Dengan beralih kepada perkara lain dan dinyatakan dalam bahasa yang berlainan, seseorang itu memperlihatkan dirinya sudah tidak berada dalam *wavelength* yang sama

(Holmes, 2001: 231) untuk meneruskan perbualan tentang sesuatu perkara itu. Bagaimanapun, analisis data juga menunjukkan terdapatnya situasi perbualan yang memungkinkan penukaran kod dilakukan kerana kelebihsesuaian sesuatu perkara itu dibincangkan dalam bahasa yang lain, seperti kata Gumperz (1982):

*“some topics may be discussed in either code, but the choice of codes adds a distinct flavour to what is said about the topics”.*

#### **4.2.16 Pemindahan penanda bawah sedar**

Pemindahan penanda bawah sedar (*transfer of subconscious markers*) merupakan satu lagi fungsi perbualan yang dikenal pasti. Berdasarkan penganalisan data, terdapat dua jenis morfem yang digunakan sebagai penanda bawah sedar, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas yang digunakan ialah “tau/tahu” dan morfem terikatnya “lah”. Kedua-dua jenis morfem tersebut digunakan secara separuh sedar sebagai suatu bentuk penanda dalam percakapan subjek. Partikel “lah” digunakan sebagai penegas, manakala “tau/tahu” berfungsi sebagai penanda berhenti sejenak (*pause filling markers*) dalam ujaran.

78. (Daripada Unit 2/Episod 1) Penutur yang terpesona dengan hadiah percuma yang diperoleh kawannya telah mengatakan yang dia juga tertarik akan kecantikan warnanya.

S: NYA MEH, KO AKU NYAU PEDIS ATI AKU  
Itu lah ikut saya sangat sakit hati saya

MEDA IYA, tau? NASIT UKAI warna MIRAH. P-06/G-14  
tengok dia Nasib bukan merah

(Saya berasa iri hati melihatnya tetapi mujur juga ia bukan warna merah.)

79. (Daripada Unit 1/Episod 1) Kawan-kawan penutur mengharapkan supaya dia dapat mengirim salam mereka kepada teman penutur yang sedang bercakap dengannya melalui telefon.

I: Kirim salam ENGGAU IYA VIAN.  
kepada nya

S: AGI BEJAKO... still talking lah.  
Masih bercakap masih bercakap  
(Masih bercakaplah)

D-03/P-01

80. (Daripada Unit 7/Episod 4) Penutur meluahkan rasa kekecewaannya tentang kerendah seorang pemanggil yang dianggapnya kurang bertimbang rasa.

S: Okey, suka ATI DE~~lah~~.  
hati kamu

G-101/G-102/P-32

(Suka hati kamulah)

Berdasarkan analisis data, terdapat beberapa situasi di mana penutur menggunakan penanda bawah sedar. Antaranya ialah seperti yang ditunjukkan dalam perbualan penutur yang terdapat dalam contoh 78, 79 dan 80 di atas. Dalam contoh 78, penutur menggunakan perkataan “tau” (P-06) untuk menegaskan semula maksud ujarannya. Kedudukan perkataan itu pada bahagian akhir ujaran menampakkan fungsinya sebagai penanda berhenti sejenak (*pause filling markers*), iaitu titik berhenti seketika sebelum ujaran baru diteruskan. Sementara itu, dalam contoh 79 dan 80, penutur menambahkan kata partikel “lah” (P-01; P-32) untuk menegaskan maksud yang terkandung dalam perkataan yang diregukan dengannya. Dalam kedua-dua contoh itu, ia menunjukkan kata partikel tersebut adakalanya digunakan bersama-sama perkataan Iban atau Inggeris dan tidak terhad kepada sistem nahu bahasa Melayu sahaja. Fenomena seumpama ini adalah hasil daripada proses multilingualisme (Asmah, 1982; Kamwangamalu, 1989) yang membolehkan penutur bukan sahaja

mampu bertutur dalam lebih satu bahasa, malah memungkinkannya juga untuk menukar kod. Ekoran itu, penutur secara tidak menyadarinya tidak dapat mengelakkan dirinya daripada menggunakan perkataan tersebut. Lantas apabila subjek berbahasa Iban atau Inggeris, adalah agak semula jadi untuk mereka menerapkan perkataan tersebut dalam ujaran mereka tanpa merancangnya terlebih dahulu, terutama sekali dalam situasi perbualan tidak formal.

#### 4.3 Pola Penggunaan Fungsi Perbualan

Analisis kekerapan penggunaan fungsi perbualan yang dilakukan dalam bahagian ini mempunyai tujuan serampang dua mata. Pertama, ia bertujuan untuk menentukan kedudukan bagi setiap fungsi perbualan dari segi keutamaan penggunaannya; dan kedua ia adalah untuk menentukan sama ada terdapatnya pola tertentu dalam kecenderungan subjek menukar kod. Penyelidik berpendapat ini perlu dilakukan untuk menentukan kedudukan faktor yang mencetuskan fenomena penukaran kod kerana setiap fungsi perbualan yang telah dikenal pasti itu mempunyai hubungan yang rapat dengan faktor pencetusnya.

Sehubungan itu, analisis kekerapan penukaran kod yang terdapat dalam interaksi spontan subjek bagi setiap unit mengikut fungsi perbualan yang telah dikenal pasti ditunjukkan dalam Jadual 7 pada muka surat sebelah. Secara keseluruhannya, terdapat 577 kali penukaran kod berlaku. Manakala itu, analisis kedudukan bagi setiap fungsi perbualan berdasarkan kekerapan penggunaannya pula dimuatkan dalam Jadual 8.

**Jadual 7: Analisis fungsi perbualan mengikut kekerapan bagi setiap unit perbualan**

Kod Fungsi Perbualan	Unit Perbualan						
	1	2	3	4	5	6	7
A	2	0	3	2	0	4	0
B	0	0	4	2	2	0	0
C	0	0	0	0	4	0	0
D	3	2	2	1	0	0	4
E	2	5	4	12	2	4	6
F	1	3	1	1	0	0	1
G	12	31	6	13	12	11	17
H	0	1	3	3	8	0	0
I	8	6	3	9	1	4	2
J	1	1	2	4	1	2	4
K	1	4	1	0	2	1	2
L	0	0	1	2	1	2	0
M	0	1	0	1	2	1	0
N	0	1	6	0	0	3	0
O	2	0	0	0	0	0	0
P	3	7	0	3	3	1	2
$\Sigma f$	35	62	36	53	38	33	38

Petanda kod fungsi perbualan:

- A: Petikan percakapan
- B: Rujukan khusus pendengar
- C: Interjeksi
- D: Pengulangan
- E: Penentuan mesej
- F: Pernyataan bersifat peribadi lawan umum
- G: Kemudahan ekspresi
- H: Identifikasi peranan
- I: Identifikasi laras
- J: Komen lebihan
- K: Penegasan perbezaan
- L: Penegasan pernyataan yang tidak diduga
- M: Pernyataan yang memerlukan jawapan atau pengesahan
- N: Perihal kesopanan
- O: Penukaran topik perbualan
- P: Pemindahan penanda bawah sedar

**Jadual 7: Sambungan**

Kod Fungsi Perbualan	Unit Perbualan							$\Sigma f$	%
	8	9	10	11	12	13	14		
A	0	0	1	2	0	0	0	14	2.43
B	0	0	0	0	0	0	0	8	1.39
C	0	2	3	3	0	1	1	14	2.43
D	2	0	0	3	14	0	0	31	5.37
E	4	3	4	3	3	1	4	57	9.88
F	0	0	1	0	0	0	0	8	1.39
G	19	11	15	14	36	25	37	259	44.89
H	0	0	0	0	0	1	0	16	2.77
I	4	5	3	5	8	4	5	67	11.61
J	1	0	0	2	0	1	2	21	3.64
K	0	0	0	0	1	0	0	12	2.08
L	0	0	1	0	0	0	0	7	1.21
M	0	0	2	2	6	0	6	21	3.64
N	0	0	0	0	1	3	2	16	2.77
O	0	0	0	0	0	0	0	2	0.35
P	0	0	2	3	0	0	0	24	4.16
$\Sigma f$	30	21	32	37	69	36	57	577	100.00

**Jadual 8: Kekerapan fungsi perbualan mengikut kedudukan**

Kedu-dukan	Fungsi Perbualan	Bilangan Kekerapan	Peratus Kekerapan
1	Kemudahan ekspresi	259	44.89
2	Identifikasi laras	67	11.61
3	Penentuan mesej	57	9.88
4	Pengulangan	31	5.37
5	Pemindahan penanda bawah sedar	24	4.16
6	Komen lebihan	21	3.64
7	Pernyataan perlukan jawapan atau pengesahan	21	3.64
8	Identifikasi peranan	16	2.77
9	Perihal kesopanan	16	2.77
10	Interjeksi	14	2.43
11	Petikan percakapan	14	2.43
12	Penegasan perbezaan	12	2.08
13	Rujukan khusus pendengar	8	1.39
14	Pernyataan bersifat peribadi lawan umum	8	1.39
15	Penegasan pernyataan yang tidak diduga	7	1.21
16	Penukaran topik perbualan	2	0.35
		Jumlah	577
			100.00

Secara perbandingan, terdapat empat fungsi perbualan yang menonjol penggunaannya berdasarkan peratusan kekerapan yang tinggi; iaitu secara kolektif berjumlah 71.75%. Empat fungsi perbualan terpenting itu ialah kemudahan ekspresi, identifikasi laras, penentuan mesej dan pengulangan. Kemudahan ekspresi merupakan fungsi perbualan yang terpenting dan paling menonjol dari segi kekerapan penggunaannya. Penggunaannya yang berjumlah 259 kali merupakan 44.89% daripada jumlah keseluruhan penukaran kod. Ini diikuti oleh fungsi identifikasi laras yang menduduki tangga kedua dengan kekerapan penggunaan sebanyak 67 kali atau bersamaan dengan 11.60%. Perangkaan ini, sesungguhnya menggambarkan dua masalah yang sering dihadapi oleh guru pelatih Iban yang menjadi subjek kajian ini.

Pertama, ia menunjukkan kesulitan yang dihadapi subjek untuk mencari ungkapan atau ekspresi yang terbaik dalam bahasa ibunda mereka bagi mengungkapkan sesuatu pendapat, idea atau pandangan pada ketika sesuatu ujaran itu dibuat. Kedua, ia juga membayangkan kekurangan inventori bahasa ibunda subjek dalam banyak bidang, khasnya yang berkaitan dengan bidang sains, teknologi dan akademik. Analisis data menunjukkan subjek kerap kali menukar kod kepada penggunaan bahasa Melayu atau Inggeris untuk memudahkan ekspresi dan untuk menampung kekurangan leksikal bahasa ibunda penutur dalam bidang-bidang tersebut (lihat perbincangan dalam perkara 4.2.7 dan 4.2.9). Pemilihan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris mencerminkan kesan sistem pendidikan kebangsaan yang menggalakkan bilingualisme. Oleh itu, keupayaan penutur untuk beralih kepada penggunaan bahasa bukan bahasa ibunda membayangkan pilihan bahasa yang sedia ada pada diri mereka. Sebagai peserta yang terlibat secara aktif dalam sesuatu topik perbualan,

faktor ketepatan makna dan kemampuan inventori bahasa merupakan antara pertimbangan untuk memilih ungkapan atau ekspresi yang terbaik.

Fungsi ketiga terpenting ialah penentuan mesej. Fungsi perbualan ini agak kerap digunakan, iaitu sebanyak 57 kali atau bersamaan dengan 9.88%. Penggunaan yang meluas bagi fungsi perbualan ini berkait rapat dengan keperluan penutur untuk menghurai atau mengulas sesuatu dalam bahasa yang berlainan supaya mesej lebih mudah difahami (lihat perbincangan 4.2.5). Sementara itu, pengulangan merupakan fungsi perbualan keempat terpenting dari segi kekerapan penggunaannya walaupun peratusan penggunaan hanya sebanyak 5.37%. Subjek mengulangi ujaran sama ada dalam bahasa yang sama atau berlainan ketika berinteraksi bukan sahaja untuk menjadikan apa yang diperkatakan itu semakin jelas, bahkan untuk memastikan perbualan di kalangan mereka berjalan lancar lancar.

Menduduki tempat kelima ialah pemindahan bawah sedar dengan peratusan penggunaannya sebanyak 4.16%. Penggunaan fungsi perbualan yang agak kerap ini mencerminkan suatu bentuk tabiat yang diperoleh penutur hasil daripada proses multilingualisme (lihat 4.2.16). Oleh itu, kecenderungan penutur untuk menerapkan ungkapan seperti “lah”, “kah”, ataupun “tau/tahu” ke dalam ujaran bukan bahasa Melayu (bahasa Iban atau bahasa Inggersis) merupakan sesuatu yang biasa dalam fenomena penukar kod di kalangan penutur. Penutur secara tidak menyadarinya tidak dapat mengelak daripada menggunakan ungkapan tersebut.

Manakala itu, pernyataan yang memerlukan jawapan atau pengesahan dan komen lebihan berkongsi kedudukan di tempat keenam dalam senarai kedudukan fungsi

perbualan. Kedua-dua fungsi ini masing-masing digunakan sebanyak 21 kali atau merupakan 3.64% daripada jumlah keseluruhan kejadian penukaran kod. Analisis data menunjukkan subjek sering mengemukakan pernyataan yang memerlukan jawapan atau pengesahan ketika terlibat dalam sesuatu perbincangan yang berkaitan dengan hal-hal akademik (lihat Jadual 7 dan perbualan dalam Unit 12/Episod 3). Fungsi ini berkait rapat dengan keinginan peserta perbualan untuk mendapatkan kepastian berhubung dengan sesuatu yang mungkin berupa pendapat, pandangan, atau komen. Manakala itu, komen lebihan (*parenthetic remark*) digunakan untuk menyatakan pujian, kritikan atau perasaan penutur terhadap suatu situasi yang dialaminya. Untuk berbuat demikian, penutur didapati lebih gemar menggunakan bahasa ibunda atau bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Inggeris. Fenomena ini dipengaruhi oleh faktor keupayaan linguistik di kalangan subjek kajian (lihat perbincangan 4.2.10).

Seterusnya identifikasi peranan dan perihal kesopanan juga digunakan sama kerap, iaitu masing-masing sebanyak 16 kali atau 2.77%. Kedua-duanya merupakan fungsi perbualan yang kelapan terpenting. Interjeksi dan petikan percakapan juga berkongsi kedudukan, iaitu di tempat kesepuluh (2.43%). Menduduki tempat kedua belas ialah penegasan perbezaan (2.08%). Manakala itu rujukan khusus pendengar dan pernyataan bersifat peribadi lawan umum sama-sama menduduki tempat ketiga belas (1.39%). Secara amnya, kesemua fungsi ini mencerminkan kepentingan aspek kesan dan strategi komunikasi yang turut mendorong penukaran kod.

Selain itu, analisis kekerapan penggunaan fungsi perbualan juga menunjukkan penegasan pernyataan yang tidak diduga dan penukaran topik perbualan merupakan

dua fungsi yang paling kurang digunakan. Penegasan pernyataan yang tidak diduga menduduki tempat kedua terakhir dalam senarai kedudukan fungsi perbualan, iaitu di tempat yang kelima belas. Ia hanya digunakan sebanyak 7 kali atau merupakan 1.21% daripada jumlah keseluruhan penukaran kod. Penukaran topik perbualan yang menduduki tempat keenam belas dengan jumlahnya sebanyak 0.35% adalah fungsi perbualan yang paling sedikit terdapat dalam interaksi penutur. Dapatan ini, sesungguhnya menunjukkan peserta sering berada dalam *wavelength* yang sama ketika berbual; dan oleh itu mereka didapati amat jarang menukar topik perbualan atau menggunakan pernyataan yang tidak diduga kerana penggunaannya boleh dianggap sebagai tidak berminat untuk meneruskan perbualan tentang sesuatu topik. Dalam perkataan lain, aspek akomodasi amat dipentingkan oleh peserta perbualan ketika mereka berinteraksi sesama diri.

Berdasarkan analisis kekerapan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa terdapatnya pola tertentu dalam penggunaan fungsi perbualan. Ini terbukti apabila kemudahan ekspresi, identifikasi laras, penentuan mesej dan pemindahan penanda bawah sedar secara kolektif menunjukkan peratusan kekerapan yang amat tinggi, iaitu sebanyak 71.58%. Hakikat ini membuktikan fenomena penukaran kod di kalangan subjek kajian berkait rapat dengan beberapa faktor penting, antaranya keupayaan linguistik penutur, kemampuan inventori bahasa yang dipilih, topik dan peserta perbualan serta faktor yang berkaitan dengan strategi komunikasi yang digunakan ketika berinteraksi.